

**ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI PIHAK BERKEPENTINGAN
DALAM PEMULIHARAAN RUMAH AGNES KEITH DI SANDAKAN,
SABAH.**

NUR ASYIKIN BINTI ABDULLAH

C20A1225

UNIVERSITI
MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KELANTAN

2024



**ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI PIHK BERKEPENTINGAN
DALAM PEMULIHARAAN RUMAH AGNES KEITH DI SANDAKAN,
SABAH.**

**NUR ASYIKIN BINTI ABDULLAH
C20A1225**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS


Saya dengan ini memperakui bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai Naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- SULIT** Dari tarikh _____ hingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 19720)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



NUR ASYIKIN BINTI ABDULLAH

Tandatangan Penyelia Utama



EN. SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T atas izin dan limpah kurnia-Nya dapatlah saya selesaikan projek penyelidikan saya ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Meskipun terdapat beberapa cabaran dalam menyiapkan projek penyelidikan ini, iaanya dapat ditempuhi dengan sokongan daripada orang disekeliling saya.

Ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Mohamed Sahruddin bin Mohamed Som atas nasihat, tunjuk ajar, sokongan, bantuan serta bimbingan beliau sepanjang menjalankan kajian ini. Beliau juga sentiasa memberikan pendapat dan idea-didea lain sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan projek tahun akhir ini.

Selain itu, ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada kedua ibu bapa serta ahli keluarga saya yang telah memberikan semangat sepanjang saya melanjutkan pelajaran dan memberikan sokongan moral dalam menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga kepada pihak yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini termasuklah para informan yang telah membantu dalam memberikan maklumat berkaitan dengan kajian ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pengkaji seterusnya dalam meneruskan kelestarian aset warisan di negara kita. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PEMULIHARAAN RUMAH AGNES KEITH DI SANDAKAN, SABAH.

Bangunan Rumah Agnes Keith merupakan khazanah warisan yang berada di Sandakan, Sabah dan penting untuk dipulihara secara berterusan. Namun, berdasarkan data yang diperolehi, masih terdapat beberapa bangunan di Sandakan tidak dipulihara dengan baik dan masih kurang diberikan perhatian daripada pihak berkepentingan yang terlibat. Penglibatan pihak berkepentingan sangat penting dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan ke atas Rumah Agnes Keith. Disebabkan itu, pihak berkepentingan haruslah memainkan peranan yang sewajarnya dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan harus mengatasi isu dan cabaran yang berlaku. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith, mengkaji peranan pihak berkepentingan serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam pemuliharaan bangunan warisan tersebut. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah kualitatif dengan pendekatan temu bual dan pemerhatian secara langsung. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa pihak berkepentingan yang terlibat dan berperanan dalam pemuliharaan rumah ini yang terdiri daripada pihak berkepentingan secara langsung dan tidak langsung. Kesimpulannya, kajian ini juga akan memberikan kesedaran bahawa pihak berkepentingan sangat memainkan peranan penting dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan.

Kata kunci : Pihak Berkepentingan, Peranan Pihak Berkepentingan, Pemuliharaan Bangunan Warisan, Isu dan Cabaran.

ABSTRACT**ISSUES AND CHALLENGES FACED BY STAKEHOLDERS IN
CONSERVATION OF AGNES KEITH HOUSE IN SANDAKAN, SABAH.**

The Agnes Keith House Building is a heritage treasure located in Sandakan, Sabah and is important to be continuously restored. However, based on the data obtained, there are still some buildings in Sandakan that are not well restored and are still lacking attention from the stakeholders involved. Stakeholder involvement is crucial in conservation and preservation activities towards the Agnes Keith House. Therefore, stakeholders should play an important role in carrying out conservation work and should address the issues and challenges that occur. Therefore, this study was carried out to identify the role of stakeholders involved in the conservation of the building of Rumah Agnes Keith, Sandakan. The objective of this study is to identify stakeholders involved in the conservation of the Agnes Keith House building, examine the role of stakeholders as well as the issues and challenges faced by stakeholders in the conservation of the heritage building. The study methodology used in this research is a qualitative method with a live interview and observation approach. The findings show that there are several stakeholders involved and play a role in the conservation of this house which is made up of stakeholders directly and indirectly. In conclusion, this study will also provide awareness that stakeholders play an important role in the conservation and preservation of heritage buildings.

Keywords : Stakeholder, Stakeholder Role, Heritage Building Conservation, Issues and Challenges.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	IV
ISI KANDUNGAN	V
SENARAI RAJAH	VI
SENARAI FOTO	VII
SENARAI JADUAL	VIII
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.7.1 Individu	9
1.7.2 Masyarakat	9
1.7.3 Universiti	10
1.7.4 Negara	10
1.8 Organisasi Penulisan	11
1.9 Kesimpulan	
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Bangunan Warisan	12
2.3 Pemuliharaan dan Pemeliharaan	13
2.4 Pengurusan Bangunan Warisan	17
2.5 Penyenggaraan Bangunan	19
2.6 Pihak Berkepentingan	20
2.7 Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bangunan Warisan	26
2.8 Cabaran dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan	29
2.9 Aplikasi Teori	32
2.10 Kesimpulan	33
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	34
3.2 Reka Bentuk Kajian	34
3.2.1 Kajian Kes	35
3.2.2 Kajian Kualitatif	36
3.3 Pengumpulan Data	36
3.3.1 Sumber Primer	36
3.3.2 Sumber Sekunder	38
3.4 Persampelan Data	41
3.5 Instrumen Kajian	44
3.6 Analisis Data	45
3.7 Kesimpulan	47

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	48
4.2 Latar Belakang Responden	49
4.3 Mengenal pasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah.	50
4.4 Mengkaji peranan setiap pihak berkepentingan di dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah.	57
4.4.1 Penyediaan Peruntukan Dana	58
4.4.2 Pemuliharaan dan Pemeliharaan bangunan Rumah Agnes Keith.	59
4.4.3 Pewartaan	66
4.4.4 Pelancongan	68
4.5 Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan yang telah dilaksanakan	73
4.5.1 Penyelenggaraan Bangunan	73
4.5.2 Mempromosikan Bangunan Bersejarah	79
4.6 Menyiasat Isu dan Cabaran daripada setiap pihak berkepentingan dalam pengurusan pemuliharaan Rumah Agnes Keith.	84
4.6.1 Pihak Pengurusan	85
4.6.2 Pelancong Tempatan	88
4.6.3 Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Sandakan)	88
4.6.4 Jabatan Muzium Negeri Sabah	90
4.6.5 Masyarakat	94
4.7 Kesimpulan	95
BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Rumusan Kajian	97
5.2 Dapatan Utama	98
5.2.1 Analisis Objektif Satu : Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith.	99
5.2.2 Analisis Objektif Kedua : Mengkaji peranan setiap pihak berkepentingan di dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.	100
5.2.3 Analisis Objektif Ketiga : Menyiasat isu dan cabaran daripada setiap pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.	101
5.3 Cadangan	102
5.3.1 Merangka pelan tindakan pengurusan pemuliharaan jangka panjang.	102
5.3.2 Mewujudkan satu unit penyelidikan di Majlis Perbandaran Sandakan.	103
5.3.3 Mempergiatkan kerjasama dengan pihak NGO	104
5.4 Rumusan	104
RUJUKAN	107
LAMPIRAN	111

	SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Peta lokasi Rumah Agnes Keith, Sandakan	7
Rajah 1.2	Rumah Agnes Keith, Sandakan	7
Rajah 2.1	Proses pemuliharaan bangunan warisan	20
Rajah 2.2	Kategori Stakeholder	22
Rajah 2.3	Struktur pemuliharaan di Malaysia	26
Rajah 3.1	Carta alir proses penyelidikan	35
Rajah 3.2	Proses kajian	38
Rajah 3.3	Teknik Bebola Salji	42
Rajah 3.4	Carta alir analisis bertema	46
Rajah 4.1	Pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengruusan pemuliharaan Rumah Agnes Keith.	57
Rajah 4.2	<i>ANZAC DAY</i>	69
Rajah 4.3	Deraf Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan Daerah Sandakan	71
Rajah 4.8	Peta Jejak Warisan Sandakan	72

SENARAI FOTO

Foto 4.1	Pengasas Sandakan Heritage Trails iaitu Encik Lai King Hang	55
Foto 4.2	Dokumen Projek Konservasi	61
Foto 4.3	<i>ANZAC DAY</i>	69
Foto 4.4	Lawatan <i>ANZAC DAY</i>	70
Foto 4.5	Deraf Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan	71

	Daerah Sandakan	
Foto 4.6	Program mempromosikan Jejak Warisan Sandakan	72
Foto 4.7	Kerja-kerja Konservasi Bangunan	74
Foto 4.8	Dokumen kerja konservasi bangunan Rumah Agnes Keith	75
Foto 4.9	Dokumen kerja konservasi bangunan Rumah Agnes Keith	75
Foto 4.10	Dokumen kerja konservasi bangunan Rumah Agnes Keith	78
Foto 4.11	Kalender Program Festival Sandakan	79
Foto 4.12	Sambutan Hari Agnes Keith 2023	80
Foto 4.13	Festival Sandakan 2023	82
Foto 4.14	Pameran program Jelajah Sandakan	82
Foto 4.15	Program Plogging Kembara Sandakan	83

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Latar belakang responden	38
Jadual 3.2	Latar belakang responden	42
Jadual 3.3	Analisis data	45

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap negeri yang terdapat di Malaysia mempunyai bangunan warisannya yang tersendiri. Bangunan warisan merupakan bangunan yang telah wujud dan dibina sejak zaman dahulu lagi. Namun ada sebahagian daripadanya ada yang masih kekal berdiri teguh dan sebahagiannya lagi telah mengalami kerosakan. Menurut Kamal (2010), sesebuah bangunan yang telah berusia lebih 100 tahun dan berfungsi serta mempunyai nilai dari segi keindahan seni bina, nilai sejarah, nilai estetika dan sebagainya boleh dikategorikan sebagai bangunan bersejarah. Jabatan Warisan Negara (2012) mentakrifkan bahawa warisan adalah sesuatu yang bernilai dan diwariskan dan satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Di daerah Sandakan, terdapat beberapa bangunan bersejarah dan antaranya adalah Rumah Agnes Keith yang terletak berhampiran dengan bandar Sandakan.

Dalam kajian Yusuf (2018), menyatakan bahawa warisan ketara telah dikelaskan kepada dua kategori iaitu statik dan mudah alih yang bermaksud tetap dan tidak bergerak. Bangunan bersejarah ini merupakan antara warisan ketara yang terdapat di negara kita. Menurut Nik Hanapi dan Tungang (2021), menyatakan bahawa bangunan warisan adalah bangunan lama yang wujud sejak zaman kolonial lagi dan berfungsi menjadi tempat kegiatan pentadbiran kerajaan dan sebagainya. Jabatan Warisan Negara (2012) pula mendefinisikan bangunan sebagai suatu bangunan atau kumpulan yang berasingan ataupun bersambung yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap serta mempunyai nilai sejagat dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Rumah Agnes Keith merupakan antara bangunan bersejarah yang dibina pada zaman penjajahan British di Sabah. Struktur rumah ini masih kekal utuh sehingga ke hari ini, namun terdapat beberapa kelemahan daripada pihak pengurusan terhadap kerja pemuliharaan ke atas bangunan tersebut. Hal ini telah menyebabkan bangunan ini semakin kehilangan nilai dan semakin dilupakan oleh masyarakat tentang sejarah disebaliknya. Bangunan bersejarah seperti ini memerlukan pelan pengurusan yang sistematik dan teratur terutamanya dalam aspek pengurusan pemuliharaan. Pengurusan pemuliharaan ini melibatkan proses penyenggaraan terhadap struktur bangunan khasnya (Baharom, 2022). Pengurusan pemuliharaan bangunan bersejarah tidak semestinya diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab sahaja, namun juga melibatkan masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat juga antara pihak yang berkepentingan secara tidak langsung dalam menjaga dan memelihara bangunan warisan. Di samping itu, pihak pengurusan haruslah mengatasi setiap cabaran dalam pemuliharaan dengan cara yang sewajarnya demi mengekalkan nilai warisannya. Justeru itu, bangunan ini harus dilindungi oleh pihak yang bertanggungjawab kerana mereka adalah kumpulan yang penting dan pihak yang terdekat dalam proses pemuliharaan bangunan warisan.

1.2 Latar belakang Rumah Agnes Keith

Rumah Agnes Keith adalah merupakan bangunan warisan yang terletak di Sandakan, Sabah. Dalam kajian Baco (2011), menyatakan bahawa bahawa bangunan ini pada asalnya merupakan sebuah rumah yang didiami oleh seorang penulis buku tersohor yang bernama Agnes Newton Keith. Beliau tinggal bersama suaminya iaitu Harry George Keith iaitu seorang konservator hutan dan anaknya. Agnes Keith telah membawa satu pengaruh kepada Sabah pada zaman dahulu melalui penulisan buku

beliau sehingga Sabah dikenali sebagai ‘Negeri Di Bawah Bayu’. Rumah ini juga merupakan rumah dua tingkat dan rumah pertama yang dibina semasa pentadbiran British sekitar tahun 1930 sehingga tahun 1942 dan berfungsi sebagai tempat kediaman kakitangan pentadbiran. Namun pada perang dunia kedua, rumah ini telah musnah dan dibina semula pada tahun 1946 dengan mengekalkan keaslian seni bina Inggeris. Dalam keratan akhbar Berita Harian Online yang ditulis oleh Sidom (2016), menyatakan bahawa selepas pasangan ini meninggalkan Sabah sekitar tahun 1952, rumah ini telah didiami oleh beberapa konservator hutan yang lain.

Bangunan ini pernah diselenggara pada tahun 2001 dan tahun 2003 dimana pada tahun 2001, Jabatan Muzium Sabah serta Jabatan Muzium Dan Antikuiti Kuala Lumpur telah mengambil alih penjagaan bangunan ini dan telah melakukan kerja pembaikan dengan peruntukan bajet sebanyak RM 1.7 juta manakala pada tahun 2003, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan memberikan peruntukan sebanyak RM250 ribu untuk kerja pemulihan terhadap bangunan selepas melihat bangunan tersebut tidak berpenghuni dan telah terbiar lama serta usang. Justeru itu, peranan pihak berkepentingan sangat penting dalam proses pengurusan pemuliharaan yang melibatkan kerja-kerja penjagaan bangunan warisan tersebut.

Melalui pendekatan pemuliharaan tersebut, bangunan ini masih lagi kekal sehingga ke hari ini. Perkara tersebut mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini dengan melihat dari aspek pengurusan pemuliharaan bangunan warisan tersebut. Pengurusan bangunan warisan perlu dipertingkatkan lagi terutamanya dalam usaha penyelengaraan segala kerosakan struktur dan termasuklah dari segi penjagaan bangunan. Pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan pemuliharaan bangunan harus mengikuti garis panduan pemuliharaan yang telah ditetapkan. Selain daripada memelihara struktur pada bangunan, pemuliharaan bangunan ini juga dapat

meningkatkan ekonomi khasnya dalam sektor pelancongan di daerah Sandakan. Pemuliharaan dilakukan adalah untuk memastikan dan mengekalkan keadaan bangunan melalui kaedah pemuliharaan yang betul agar dapat menjaga kualiti serta meminimalkan kerrosakan pada bangunan (Jabatan Warisan Negara, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan pemuliharaan ke atas bangunan warisan sangat penting dilaksanakan kerana ianya dapat memberikan banyak kepentingan kepada negara dan generasi masa hadapan. Kajian ini dilakukan untuk meninjau sejauhmanakah peranan pihak berkepentingan dalam menguruskan pemuliharaan bangunan dan mengkaji isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian adalah merupakan bahagian yang menerangkan berkaitan dengan isu dan masalah yang dikaji dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan setelah mengenalpasti permasalahan yang timbul terhadap amalan pemuliharaan bangunan warisan yang terdapat di Sandakan, Sabah.

Berdasarkan rujukan yang telah dilakukan oleh pengkaji, masih kurang kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas ke atas Rumah Agnes Keith berkaitan dengan usaha pemuliharaan bangunan tersebut. Bangunan warisan di Sandakan ini masih kurang mendapat perhatian daripada pihak yang terlibat terutamanya dari segi pengurusan pemuliharaan menyebabkan bangunan-bangunan tersebut diancam kerrosakan. Pemerhatian keatas pengurusan pemuliharaan penting terutamanya dalam meningkatkan ekonomi di Sandakan dan juga penting kepada generasi akan datang. Dalam kajian Baco (2011), beliau menyatakan bahawa masih kurang usaha pemuliharaan dan pemeliharaan serta bantuan dana yang diberikan ke atas setiap

pemilik tapak warisan di Sandakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengenalpasti siapakah pihak berkepentingan yang terlibat ke atas penjagaan Rumah Agnes Keith.

Selain itu, permasalahan berbangkit dalam kajian ini juga adalah kurangnya kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan ke atas bangunan warisan di Sandakan (Baco, 2011). Perkara ini boleh memberikan kesan yang kurang baik terhadap struktur bangunan warisan sekiranya ianya tidak ditangani dengan sebaiknya. Dalam keratan akhbar *Daily Expresss* yang ditulis oleh Thien (2022) bertajuk '*Agnes Keith House attacked by termites?*' ada menyatakan bahawa pihak berkuasa muzium disarankan untuk memastikan sama ada reputan kayu di bilik audio visual berpunca daripada serangan anai-anai. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji peranan pihak pengurusan dalam melaksanakan kerja pemuliharaan ke atas bangunan.

Akhir sekali, dalam kajian Baco (2011), merumuskan bahawa antara salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya kerja pemuliharaan dilakukan adalah kelemahan pihak pengurusan tapak warisan telah mendorong kepada gangguan dalam pelaksanaan dan kesukaran dalam membuat permohonan untuk pelaksanaan kerja-kerja pemuliharaan. Bukan itu sahaja, masalah kekurangan dana untuk melaksanakan kerja-kerja pemberian daripada pihak yang terlibat juga merupakan salah satu kelompongan yang berlaku dalam pengurusan bangunan warisan. Meskipun begitu, pemuliharaan bangunan tersebut masih berada keadaan yang baik. Perkara tersebut telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji tentang bagaimana pihak yang terlibat menguruskan penjagaan bangunan sehingga bangunan tersebut masih terjaga. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan.

1.4 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang ingin dirungkaikan dalam kajian ini. Antara persoalan kajian yang berbangkit adalah :

- 1) Siapakah pihak berkepentingan ke atas bangunan warisan Rumah Agnes Keith?
- 2) Apakah peranan pihak berkepentingan terhadap usaha pemuliharaan ke atas bangunan warisan Rumah Agnes Keith?
- 3) Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah bertujuan untuk memastikan matlamat kajian dapat dicapai.

Berikut merupakan objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini:

- 1) Mengenalpasti pihak berkepentingan terhadap bangunan warisan Rumah Agnes Keith.
- 2) Mengkaji peranan setiap pihak berkepentingan di dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.
- 3) Menyiasat isu dan cabaran daripada pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.

1.6 Skop Kajian

Lokasi kajian ini dijalankan di daerah Sandakan yang terletak di Negeri Sabah. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauhmanakah peranan pihak berkepentingan dalam melindungi bangunan warisan ini dan apakah isu dan cabaran yang dihadapi melalui

beberapa pendekatan tertentu dalam mendapatkan data dan maklumat berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.



Rajah 1.1 : Peta lokasi bangunan Rumah Agnes Keith, Sandakan.
Sumber : *Google* (2023)



Rajah 1.2 : Rumah Agnes Keith
Sumber : Pengkaji (2023)

Peta 1 merujuk kepada lokasi kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Skop kajian ini tertumpu kepada bangunan warisan Rumah Agnes Keith sahaja. Kedudukan bangunan ini adalah terletak berhampiran dengan bandar Sandakan. Fokus utama kajian ini adalah berkaitan tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap pihak berkepentingan dalam pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan. Kajian ini juga melibatkan temu bual terhadap beberapa pihak berkepentingan yang terlibat

dalam menguruskan bangunan warisan tersebut. Antara faktor bangunan ini dipilih juga kerana berada berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji yang dapat memudahkan kajian ini dijalankan. Oleh itu, pengkaji ingin mengenalpasti siapakah pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses menguruskan bangunan warisan tersebut.

Selain itu, aspek kajian ini juga merangkumi penyelidikan dari segi pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Hal ini berikutan kerana seperti yang kita sedia maklum, bangunan lama memang kebiasaanya mengalami kerosakan. Namun bangunan ini masih berada dalam keadaan yang baik. Oleh itu, kajian ini juga akan mengetahui peranan pihak berkepentingan terhadap usaha-usaha pemuliharaan yang pernah dilaksanakan serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan pemuliharaan bangunan. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan cara temu bual dan juga pemerhatian di kawasan lapangan. Temubual akan dilakukan secara bersemuka, informal dan semi-struktur. Kajian ini juga telah menggunakan data primer dan data sekunder dalam mendapatkan dan mengumpulkan maklumat dan data kajian.

Kesimpulannya, pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan tersebut haruslah dilaksanakan dengan pemantauan yang berterusan daripada pihak yang berkepentingan. Hal ini demikian kerana, pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan tersebut dapat memberikan kepentingan yang positif terhadap ekonomi, sosial dan pembangunan negara.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk memberikan kepentingan kepada individu dan masyarakat khasnya serta semua pembaca dalam memberikan kesedaran dalam

pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan dalam mengiatkan lagi usaha dalam aktiviti pengurusan bangunan warisan di Sandakan. Berikut merupakan anatara kepentingan kajian :

1.7.1 Individu

Kajian ini penting terhadap setiap individu yang berada di Sandakan. Hal ini demikian kerana, mereka dapat mengetahui tentang sejarah dan latar belakang bangunan warisan tersebut. Selain itu, kajian ini juga dapat menjadi rujukan kepada pengkaji seterusnya yang ingin mengkaji berkaitan dengan bangunan warisan pada masa hadapan. Bukan itu sahaja, melalui kajian ini pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci lagi berkaitan dengan bangunan warisan serta pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan tersebut.

1.7.2 Masyarakat

Kepentingan kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, melalui kajian ini, masyarakat luar terutamanya pelancong asing dapat mengenali bangunan bersejarah di Sabah ataupun masyarakat tempatan dapat mengetahui tentang kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Selain itu juga, ia dapat memberi kesedaran dan dapat membuka mata dan minda masyarakat bahawa slogan Negeri Di Bawah Bayu adalah hasil daripada penulisan buku beliau. Melalui penulisan tersebut, Negeri Sabah telah dikenali di serata dunia. Melalui kajian ini juga diharapkan agar pengkaji dapat meningkatkan kesedaran setiap generasi masa kini dan masa hadapan untuk lebih menghargai lagi tinggalan warisan yang terdapat di negara kita.

1.7.3 Universiti

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk Laporan Projek Akhir dan merupakan salah satu syarat yang perlu dilaksanakan untuk mendapat sijil tamat pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Selain itu, kajian ini juga akan menjadi koleksi tambahan di perpustakaan universiti yang boleh dijadikan rujukan kepada pelajar-pelajar yang lain yang ingin mengkaji berkaitan dengan tajuk kajian.

1.8 Organisasi Penulisan

Kesimpulannya, kajian ini merangkumi lima bahagian bab. Bab 1 menceritakan tentang pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, skop kajian , objektif kajian, sorotan kajian, kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Pada bahagian pengenalan, pengkaji telah menerangkan tentang bangunan warisan yang dipilih iaitu Rumah Agnes Keith dan sejarah kewujudan bangunan tersebut di Sandakan, Sabah. Selain itu, bab ini juga menghuraikan permasalahan kajian, objektif serta persoalan kajian bagi mengetahui matlamat dalam menjalankan kajian ini.

Bab 2 membincangkan dan memfokuskan kepada sorotan kajian dan teori. Sorotan kajian ini adalah berdasarkan kepada sorotan kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lain. Sorotan kajian yang dipilih adalah berdasarkan kepada tajuk kajian yang pengkaji ingin jalankan iaitu berkaitan dengan bangunan bersejrah, pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan, usaha-usaha pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak pengurusan, pihak berkepentingan dalam pengurusan serta cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Dalam bahagiam ini juga menerangkan secara ringkas tentang teori yang digunakan.

Seterusnya Bab 3. Bab 3 menerangkan tentang kaedah kajian ataupun metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini secara menyeluruh. Perbincangan dalam bahagian ini merangkumi perkara seperti reka bentuk kajian, pengumpulan data, persampelan, analisis data, dan kaedah pemerolehan maklumat menggunakan data primer dan sekunder. Kaedah kajian ini digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan kajian.

Bab 4 membincangkan berkaitan dengan dapata kajian. Hasil dapatan kajiana ini diperoleh melalui kaedah temu bual secara bersemuka yang dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, rujukan perpustakaan juga dilaksanakan dalam melaksanakan kajian ini untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Akhir sekali adalah Bab 5. Pada bahagian ini, akan menganalisis, menghuraikan , membincangkan berkaitan dengan perbincangan serta cadangan kajian. Rumusan hasil kajian akan dibuat selepas keseluruhan data dan maklumat didapatkan.

1.9 Rumusan Bab

Kesimpulannya, dalam kajian ini, pengkaji ingin menjelaskan secara menyeluruh berkaitan dengan kajian yang merangkumi aspek pengurusan pemuliharaan yang melibatkan pihak berkepentingan, usaha pemuliharaan serta isu dan cabaran dalam menguruskannya. Beberapa objektif telah dibentuk untuk merungkai persoalan pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Bahagian ini juga pengkaji telah mengemukakan persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan juga definisi secara operasional untuk menyiapkan kajian ini. Bangunan warisan ini mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri meskipun ianya kurang dikenali oleh masyarakat luar. Melalui persoalan yang telah diutarakan oleh pengkaji, kajian ini dijalankan untuk menjawab setiap persoalan yang pengkaji musykilan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan.

Bab ini membincangkan berkaitan dengan kajian lepas yang telah dirujuk oleh pengkaji mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Kajian lepas yang dirujuk telah dijadikan sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian ini. Rujukan daripada kajian lepas sangat penting dalam mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan fokus kajian. Menurut Marzali (2016) menyatakan bahawa kajian literatur merupakan sebuah pendekatan dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan topik kajian dengan menggunakan kaedah pembacaan dan penyelidikan jurnal serta buku yang membincangkan tentang topik yang dikaji. Melalui penelitian terhadap kajian lepas ini, ia dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan permasalahan dalam kajian ini.

2.2 Bangunan Warisan

Secara umumnya, bangunan warisan adalah merupakan bangunan yang telah dibina sejak zaman dahulu lagi dan mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri. Menurut buku yang ditulis oleh Omardin (2011), menyatakan bahawa bangunan dibina berlandaskan kepada cita rasa dan juga gaya hidup manusia. Menurut Masrom & Abdul Kadir (2020), menyatakan bahawa bangunan warisan adalah salah satu aset yang bernilai kepada negara. Menurut Kamal (2010), sesebuah bangunan yang telah berusia lebih 100 tahun dan berfungsi serta mempunyai nilai dari segi keindahan seni bina, nilai sejarah, nilai estetika dan sebagainya boleh dikategorikan sebagai bangunan bersejarah. Cawangan Perancangan Aset Bersepadu Jabatan Kerja Raya Malaysia

(2021), pula mentakrifkan bangunan warisan sebagai bangunan kerajaan yang telah diwartakan menjadi bangunan warisan atau dikenali sebagai warisan kebangsaan.

Menurut Ahmad (2010), dalam penulisan buku beliau menyatakan bahawa di Malaysia terdapat pelbagai jenis bangunan warisan yang berlainan dari segi gaya seni bina, fungsi dan struktur bangunan. Menurut Jamal dan Ramli (2021) pula mentakrifkan bangunan bersejarah sebagai bukti lambang identiti sesebuah bangsa. Bangunan warisan di Malaysia wajar untuk dijaga kerana bangunan-bangunan warisan tersebut mempunyai nilai sejarahnya yang tinggi dan lambang kepada ketamadunan pada zaman tersebut. Dalam kajian Zuraidi (2014), menyatakan bahawa bangunan-bangunan yang terdapat di Malaysia kebanyakannya dibina oleh pihak penjajahan dan kebanyakannya gaya senibina bangunan tersebut dipengaruhi oleh kebudayaan mereka sendiri. Hal ini dibuktikan lagi dengan perbandingan yang telah dibuat oleh para pengkaji berkaitan dengan senibina bangunan yang terdapat di Malaysia dengan bangunan yang terdapat di negara mereka. Hal ini dinyatakan juga dalam kajian Harun (2005) menyatakan bahawa pengaruh unsur seni rekabentuk bangunan kolonial di Malaysia adalah sama seperti senibina barat sebagai contoh senibina Neo-Klasik pada bangunan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

2.3 Pemuliharaan dan Pemeliharaan

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mentakrifkan bahawa pemuliharaan adalah berkaitan tentang perlindungan dan penjagaan terhadap sesuatu daripada mengalami kerosakan. Pemuliharaan adalah termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Pemuliharaan juga adalah merupakan salah satu tindakan yang boleh dilakukan terhadap pemuliharaan kerosakan

yang terdapat pada bangunan dalam usaha memanjangkan lagi jangka hayat bangunan. Pemuliharaan adalah suatu pendekatan yang digunakan dalam memberikan perlindungan kepada bangunan warisan yang mengalami kerosakan. *International Council Of Museum (ICOM)* juga mentakrifkan bahawa pemuliharan adalah sebagai satu langkah yang bertujuan untuk melambatkan proses kemasuhan berlaku terhadap harta benda warisan dalam usaha mengekalkan keadaan bentuk atau strukturnya.

Pemuliharaan adalah tindakan yang merujuk kepada proses pengembalian objek warisan dalam bentuk yang asli tanpa melibatkan perubahan yang baharu demi mengekalkan ciri yang asal (Norhamidi, 2022). Pendekatan amalan pemuliharaan di Malaysia telah mengikut dan merujuk kepada kandungan pemuliharaan yang termaktub dalam Piagam Burra (Zuraidi, 2014). Dalam penulisan buku Ahmad (2010), menyatakan bahawa pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia merupakan suatu perkara yang baru dalam dunia seni bina khasnya. Persepsi Baharom (2022), mengatakan bahawa pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia kelihatan suram kerana masih terdapat segelintir bangunan bersejarah yang tidak dijaga dengan baik. Namun demikian, pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan pada hari ini sudah mula giat dilaksanakan demi memelihara dan memanjangkan jangka hayat bangunan warisan yang terdapat di Malaysia. Hal ini dibuktikan lagi dengan pemeliharaan bangunan-bangunan yang terdapat di sekitar George Town, Melaka dan di negeri-negeri lain telah mula dilaksanakan. Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan ini juga dilaksanakan ke atas bangunan kolonial, masjid, rumah kedai, rumah tradisional dan sebagainya.

Dalam kajian Mootar (2019), yang bertajuk Pemuliharaan Bangunan Warisan dari Aspek Sejarah di George Town, Pulau Pinang ada menyatakan pemuliharaan pula adalah aktiviti yang merawat bangunan warisan yang mengalami kerosakan namun

harus berlandaskan kepada garis panduan pemuliharaan yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana, pemuliharaan adalah salah satu langkah yang diambil agar dapat memastikan keadaan dan keaslian sesebuah bangunan warisan dapat dikekalkan. Dalam kandungan Buku Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012), pula mendefinisikan bahawa pemuliharaan bangunan adalah satu proses penjagaan dan pengawasan keatas sesebuah bangunan warisan untuk mengelakan daripada kemusnahan dan kerosakan. Pembaik pulihan sesebuah bangunan adalah melibatkan dua bahagian iaitu luar dan dalam yang merangkumi rupa bentuk dan juga perincian suatu struktur atau kedudukan.

Menurut Ahmad (2010), mentafsirkan tentang konsep pemuliharaan adalah merujuk kepada proses mengembalikan kepentingan sejarah dan memastikan bangunan atau monumen warisan kekal dalam keadaan yang asal. Dalam penulisan buku beliau juga menyatakan bahawa sebelum amalan pemuliharaan bangunan dilaksanakan, individu tersebut harus mempunyai ilmu kefahaman yang fasih dalam bidang tersebut. Hal ini bagi memastikan kerja-kerja pemuliharaan dilakukan mengikut tatacara yang betul dan selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Terdapat beberapa pendekatan pemuliharaan bangunan warisan yang telah dibentuk dalam usaha memastikan nilai seni bina pada bangunan dilindungi adalah seperti pemuliharaan, pengekalan, pengembalian semula, pembinaan semula, rehabilitasi, pembinaan semula acuan mengikut acuan asal, peletakan semula, suai guna semula dan juga penyenggaraan.

Jabatan Warisan Negara (2012), telah mentakrifkan konsep pemeliharaan adalah sesuatu tindakan yang mencegah kemerosotan dan menjalankan aktiviti pemberian keadaan struktur untuk menjadikan keadaan struktur menjadi selamat. Selain itu, ia

juga melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan biasa dan pembaikan kecil dengan tidak mengubah struktur atau fabrik. Menurut Nazeerdin (2022), menyatakan dalam kajian beliau bahawa pemeliharaan juga suatu kerja pembalikan yang dijalankan keatas sesebuah struktur untuk menjadikan keadaan struktur tersebut selamat dan berguna. Jelaslah bahawa, pemeliharaan adalah sesuatu aktiviti yang memperlakukan kerosakan atau kemerosotan terhadap sesuatu struktur tertentu agar ia dapat dikenalkan dalam jangka masa yang lama.

Menerusi Omardin (2011), dalam penulisan bukunya, beliau telah menyatakan bahawa bangunan sentiasa terdedah dengan kemerosotan dan kerosakan dari semua sudut penjuru. Faktor yang menyebabkan kerosakan pada bangunan adalah dipengaruhi oleh faktor semulajadi dan tindakan manusia. Dalam Buku Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan Dan Bangunan Warisan (PeWARIS) turut menyatakan perkara yang sama iaitu faktor kerosakan bangunan warisan yang sedia ada adalah merangkumi dari aspek perbuatan manusia seperti vandalisme, pengaruh cuaca serta persekitaran. Selain itu, keperluan pemuliharaan bangunan juga merangkumi tiga aspek iaitu pemuliharaan dalam bangunan, pemuliharaan luaran bangunan dan pembangunan tambahan dan *infill* (PeWARIS, 2023). Pemuliharaan dalam melibatkan elemen seperti tingkap, dinding, lantai, siling, ragam hias dan sebagainya manakala pemuliharaan luaran bangunan pula melibatkan komponen seperti bumbung, dinding luar, lantai, saluran paip air hujan dan lain-lain. Dari segi pembangunan tambahan dan *infill* merupakan binaan baharu pada seni bina bangunan warisan tanpa menjaskan keadaan asal bagunan. Ketiga-tiga keperluan ini mempunyai cara pemuliharaan yang berlainan mengikut kesesuaian struktur.

Dapat disimpulkan bahawa, aktiviti pemuliharaan telah melibatkan proses pembalikan sesebuah kerosakan yang terdapat pada bangunan warisan. Zuraidi (2014)

menyatakan dalam kajiannya bahawa kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia masih kurang dilaksanakan. Namun, perkara ini masih diteruskan meskipun dalam keadaan yang perlahan. Justeru itu, konsep pemuliharaan dan pemeliharaan ini haruslah difahami dengan sebaiknya agar pihak yang berkaitan dapat melihat bahawa pentingnya amalan penyelenggaraan bangunan warisan yang terdapat di negara kita. Program pemuliharaan serta penyelidikan terhadap bangunan warisan harus dipertingkatkan lagi agar kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia semakin giat dijalankan.

2.4 Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan

Menurut Syed Mahmud (2017), mentafsirkan pengurusan merupakan suatu tindakan proses yang melibatkan perancangan, pengarahan, penyusunan dan pengawalan usaha sebuah organisasi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sukri (2022), pula menyatakan dalam artikel beliau bahawa pengurusan warisan merujuk kepada sistem yang akan menguruskan aset warisan. Pengurusan juga merupakan pencapaian matlamat dalam organisasi dengan cara yang cekap dan berkesan yang harus melalui fungsi perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawal terhadap sumber-sumber organisasi (Nasurdin, Osman & Ahmad, 2006). Pengurusan dalam sesebuah organisasi sangat penting kerana ianya dapat menentukan matlamat yang diinginkan.

Pengurusan warisan bagi sesebuah aset negara sama ada warisan ketara ataupun tidak ketara harus diuruskan dengan baik demi mengekalkan kewujudannya. Dalam kajian Abdul Rahman (2013), menyatakan bahawa pengurusan warisan merujuk kepada kerja-kerja pencegahan kerosakan bangunan yang merangkumi dari segi fizikal, sosial dan ekonomi agar dapat mengurangkan berlakunya kerosakan pada

struktur bangunan. Pihak yang terlibat juga memainkan peranan yang penting dalam pengurusan bangunan warisan tersebut. Kajian ini juga menfokuskan kepada kerja-kerja penyeleggaraan bangunan serta amalan pengurusan warisan dalam industri pengekalan dan pemuliharaan bangunan bersejarah.

Kajian Khalid & Che Rose (2017), yang bertajuk Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak Unesco George Town, Pulau Pinang : Perspektif Peniaga dan Pelancong tempatan membincangkan tentang pengurusan bangunan warisan yang tidak dipulihara dengan baik. Dalam kajian ini menyatakan bahawa pengurusan warisan ini harus dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan warisan tersebut sentiasa kekal dalam keadaan yang baik. Perkara ini meliputi dari aspek merancang, menguruskan, memulihara dan sebagainya. Pihak yang terlibat haruslah memainkan peranan yang sangat penting dalam menguruskannya agar dapat memastikan bangunan warisan tersebut dijaga dengan baik. Hal ini demikian kerana, bangunan memerlukan pengurusan yang lebih teratur dan sistematik berserta dengan amalan penyenggaraan yang berterusan daripada pihak pengurusan (Rashid, 2011)

Menurut Alias & Ali (2011) dalam penulisan buku beliau telah mentakrifkan konsep pengurusan bangunan adalah mempertahankan nilai bangunan melalui penyenggaraan dan pengurusan yang teratur. Terdapat dua bentuk penyenggaraan bangunan iaitu penyenggaraan pencegahan dan juga penyenggaraan pembaikkan. Penyenggaraan pencegahan melibatkan proses penyenggaraan yang dilakukan secara berkala dan secara rutin manakala penyenggaraan pembalikan pula melibatkan beberapa kriteria tertentu seperti kerja pembalikan yang melibatkan gangguan ke atas fabrik bangunan dan hendaklah mematuhi kaedah pembalikan yang diluluskan.

Konsep pengurusan penyenggaraan bangunan ini telah diaplikasikan dalam kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan.

2.5 Penyenggaraan Bangunan Warisan

Jabatan Warisan Negara (2012) ada menjelaskan tentang penyenggaraan bangunan warisan adalah kerja membaiki dan melindungi struktur bangunan warisan dengan cara yang konsisten. Perka ini dilakukan selepas kerja pembinaan atau pengembalian semula selesai pada suatu kadar yang memuaskan dalam usaha mencegah kemerosotan. Aktiviti penyenggaraan bangunan yang telah dinyatakan oleh Alias dan Ali (2011), terdiri daripada tiga aspek iaitu Penyenggaraan Harian, Penyenggaraan Berkala dan Penyenggaraan Khas. Manakala menurut Omardin (2011), berkaitan dengan penyelenggaraan bangunan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu penyelenggaraan harian, penyelenggaraan kecemasan dan juga penyelenggaraan terancang. Penyenggaraan ini dilakukan mengikut keadaan kemerosotan sesebuah bangunan.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (2023) juga telah menyediakan garis panduan perancangan pemuliharaan kawasan dan bangunan warisan yang merangkumi beberapa bahagian tertentu. Garis panduan ini diguna pakai terhadap kawasan ataupun bangunan yang berpotensi mempunyai nilai bersejarah dan warisan tetapi belum mendapat pengiktirafan Tapak Warisan (TW), Tapak Warisan Kebangsaan (TWK) mahupun Tapak Warisan Dunia UNESCO (TWD). Selain itu, garis panduan ini memfokuskan kepada tiga kategori iaitu monumen, kumpulan bangunan dan tapak yang berada di dalam senarai inventori Jabatan Warisan Negara (JWN). Berikut merupakan proses pemuliharaan bangunan warisan yang merangkumi beberapa aspek tertentu.



Rajah 2.1 : Proses pemuliharaan bangunan warisan.

Sumber : Jabatan Perancangan Bandar & Desa (2023).

Penyediaan garis panduan ini sebagai rujukan yang boleh digunakan oleh pihak berkepentingan dan dapat memudahkan terutamanya dalam pengurusan pemuliharaan bangunan warisan. Meskipun pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Malaysia telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab, namun tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pengurusan yang telah menimbulkan permasalahan dalam usaha pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di Sabah khasnya. Menurut Hashim dan Mydin (2012), menyatakan bahawa pengurusan penyelenggaraan adalah perkara penting terhadap proses kerja-kerja penyelenggaraan terutamanya di bangunan bersejarah. Hal ini kerana, bangunan warisan memerlukan penyelenggaraan dari masa ke masa untuk mengekalkan nilai estetika yang terdapat pada bangunan yang merangkumi bahan binaan, rekabentuk seni bina, dan nilai sejarah pada bangunan warisan.

2.6 Pihak Berkepentingan

Menurut Kamus Bahasa Melayu Edisi Keempat (2017), mentakrifkan pihak berkepentingan adalah pihak yang mempunyai hak ataupun saham dalam sesuatu organisasi. Pihak berkepentingan ataupun *Stakeholder* adalah merupakan satu


kelompok individu, kumpulan ataupun masyarakat yang menyumbang kepada pengurusan organisasi tertentu. *Stakeholder* juga terbahagi kepada dua kategori iaitu internal dan eksternal. Menurut Hajalikhani (2008), mendefinisikan pihak berkepentingan adalah individu atau organisasi yang komited dalam kerja-kerja atau kepentingan mereka mungkin akan terjejas kesan daripada pelaksanaan atau penyiapan kerja.

Pihak berkepentingan merupakan pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam sesebuah organisasi. Menurut Freeman dan Mcvea (2001) pula menjelaskan bahawa konsep “*Stakeholder*” adalah merujuk kepada mana-mana kelompok atau individu yang dipengaruhi dan dapat mempengaruhi tujuan organisasi. Pihak berkepentingan ataupun ‘*Stakeholder*’ merupakan satu kelompok individu, kumpulan ataupun masyarakat yang menyumbang kepada pengurusan organisasi tertentu. Menurut Freeman dan Edward (2004) menyatakan bahawa pihak berkepentingan menekankan kepentingan hubungan kerjasama dengan mereka yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah organisasi tersebut. Hal ini menunjukan bahawa pihak berkepentingan mempunyai pengaruh yang besar dalam menguruskan sesuatu perkara demi mendapatkan hasil yang baik. Selain itu, menurut Caroll dan Buchholts (2008), mentakrifkan pihak berkepentingan sebagai pihak yang dipengaruhi oleh tindakan, keputusan, dasar atau amalan yang boleh menjelaskan tindakan atau matlamat dalam organisasi.

Pihak berkepentingan terbahagi kepada dua kumpulan iaitu primer dan sekunder. Menurut Caroll dan Buchholts (2008), pihak berkepentingan primer merujuk kepada individu yang mempunyai kepentingan secara langsung manakala pihak berkepentingan sekunder adalah pihak luar yang bertindak secara tidak langsung namun tetap memberi pengaruh kepada organisasi. Pendapat daripada tokoh lain juga

mengkategorikan pihak berkepentingan kepada dua kategori yang dikenali sebagai *Internal Stakeholder* dan *External Stakeholder*. *Internal Stakeholder* adalah pihak yang terlibat secara langsung dalam sesebuah organisasi dan menanggung risiko manakala *Eksternal Stakeholder* adalah individu yang terlibat secara tidak langsung dikaitkan dengan sesebuah organisasi. *External stakeholder* pula terdiri daripada masyarakat, kerajaan, pelajar dan lain-lain merujuk kepada golongan luar dari organisasi yang memberi sumbangan dan sokongan. Antara contoh *Internal stakeholder* dalam kajian ini adalah seperti pemilik bangunan warisan, penjaga, kontraktor, pembekal serta pekerja yang memberi sumbangan dalam sesebuah organisasi.

Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan, kedua-dua pihak ini memainkan peranan yang sangat penting dan saling bergantung antara satu sama lain dalam menguruskan, mengawal dan mengarah sesebuah organisasi. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian Refdyantama (2021) yang menyatakan bahawa *stakeholder* mempunyai peranan yang berbeza-beza dalam merancang sesebuah pengurusan. Jabatan Warisan Negara adalah antara pihak berkepentingan dalam menguruskan kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Pihak berkepentingan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan pengurusan pemuliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith sentiasa terpelihara.



Rajah 2.2 : Kategori *stakeholder*.

Sumber: Pengkaji (2023)

Dalam buku Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS) juga ada menjelaskan tentang akta yang merujuk kepada peranan pihak berkepentingan dalam pengurusan warisan. Antara yang terkandung dalam buku tersebut adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menyediakan suatu Rancangan Tempatan (RT) terhadap aspek pemuliharaan warisan yang berpotensi untuk menjalankan proses penggantian atau yang mana bersesuaian. Hal ini merujuk kepada aspek pemuliharaan bangunan warisan. Menurut Norzamira Che Noh (2021) dalam keratan akhbar Harian Metro yang bertajuk Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Perlu Lebih Intensif menyatakan bahawa, pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan bersejarah perlu lebih intensif ke atas penjagaan bangunan bersejarah. Hal ini demi memastikan bangunan bersejarah dapat terus dikekalkan dan dilindungi.

Pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan pemuliharaan adalah pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Jabatan Warisan Negara adalah merupakan pihak kerajaan pusat yang banyak memberikan sumbangan dalam usaha meningkatkan

usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Malaysia. Jabatan Warisan Negara ini juga telah membuat beberapa garis panduan yang boleh diamalkan dalam kerja-kerja pemuliharaan. Jabatan Warisan Negara (JWN) berkuasa mempunyai kuasa penuh dalam melaksanakan amalan perlindungan dan pemuliharaan warisan negara (Azam, 2022). Dalam kajian Sarudin (2022), Menteri Pelancongan Seni dan Budaya (*MOTAC*) juga antara pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan terutamanya dalam pelancongan warisan. Selain itu, bangunan ini turut berada di bawah jagaan Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) merupakan antara pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam usaha pemuliharaan bangunan warisan. Menurut Yusoff (2018), pihak berkuasa tempatan juga mempunyai kuasa dalam melakukan kerja-kerja pemuliharaan yang merangkumi pemberian kerosakan, pengecatan semula serta menghalang pencerobohan pada bangunan. Kedudukan PBT terletak di bawah kerajaan tempatan di Malaysia yang memainkan peranan penting dalam menguruskan dan merancang kerja-kerja pemuliharaan dan pengekalan bangunan warisan. Dalam Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan Dan Bangunan Warisan (PeWARIS) juga menyenaraikan peranan PBT iaitu PBT mempunyai kuasa dalam menyediakan cadangan tindakan pemuliharaan ke atas bangunan warisan yang berpotensi dan berkepentingan kepada kawasan tersebut untuk dimajukan. Dalam kandungan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 58 (1)(f) juga memperuntukan bahawa PBT berkuasa dalam memberikan perlindungan terhadap monumen atau bangunan lama yang mempunyai kepentingan sejarah. Selain itu, PBT juga boleh melaksanakan kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan ke atas bangunan warisan yang mengalami kemerosotan fabrik dan struktur (Yusoff et,al, 2013). Dalam kajian ini, pihak berkuasa tempatan merujuk kepada Majlis Perbandaran

Sandakan yang juga merupakan antara pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan pemuliharaan Rumah Agnes Keith tersebut.

Bangunan warisan kepunyaan milik persendirian pula, tanggungjawab penjagaan dan pemuliharaan bangunan warisan tersebut adalah ditanggung oleh pemiliknya sendiri dengan pantauan daripada jabatan yang terlibat (Hashim & Mydin, 2012).

Dalam kajian Khan (2020) dalam kajian menerangkan tentang fungsi pihak berkepentingan sebagai elemen yang dipercayai boleh melindungi dan menguruskan tapak bangunan warisan sebagai tempat penyelidikan pengkaji. Pemilik bangunan warisan haruslah bertanggungjawab dalam memastikan kerja kerja peyenggaraan dilaksanakan.

Dalam kajian Jamal dan Ramli (2021) menyatakan dalam kajian beliau yang bertajuk Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. Kajian ini membincangkan tentang penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah di kawasan tersebut melalui pendekatan suai guna semula. Dalam kajian ini menyatakan bahawa penglibatan komuniti setempat sememangnya memberikan impak yang positif dalam melestarikan bangunan warisan setempat. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian penulisan yang dihasilkan oleh Mamat (2014) yang membincangkan berkaitan dengan penglibatan masyarakat dalam pemuliharaan bangunan bersejarah. Hal ini demikian kerana, masyarakat merupakan antara golongan yang terdekat dan berada di dalam kategori *external stakeholder* yang dapat berkerjasama dalam proses pemuliharaan tersebut.



Rajah 2.3 : Struktur pemuliharaan di Malaysia.
Sumber: Pengkaji (2023)

2.7 Usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan.

Berdasarkan kepada pembacaan daripada kajian ilmiah dan buku yang telah dirujuk, usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Malaysia sedang giat dijalankan oleh pihak kerajaan meskipun ianya bergerak secara perlahan. Amalan pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia mula terserlah pada tahun 1980-an dimana pada ketika itu negara sedang membangun dan berada di bawah pemerintahan mantan Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad (Ahmad 1994). Usaha ini turut disokong daripada pihak luar mahupun dalam negara itu sendiri. Usaha pemuliharaan ini mula diberikan perhatian ketika Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Jabatan Muzium dan Antikuiti telah memperuntukan belanjawan untuk membiayai kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia semasa Rancangan Malaysia ke-6 pada tahun 1991-1995. Perkara ini turut terkandung dalam kandungan Rancangan Malaysia ke-enam yang menyatakan bahawa

beberapa tempat dan bangunan yang bersejarah telah dikenal pasti untuk pelaksanaaan projek pemuliharaan antaranya adalah Istana Kellie, Muzium Kota Kayangan Perlis serta rumah-rumah tradisional Melayu. Rancangan malaysia ke enam. Sehingga ke hari ini, usaha pemuliharaan bangunan warisan masih diteruskan oleh pihak kerajaan dan disokong lagi dengan penglibatan daripada agensi kerajaan lain dan pihak swasta serta agensi luar.

Terdapat beberapa aspek tertentu yang digunakan dalam kerja-kerja pemuliharaan yang perlu diikuti sebelum kerja-kerja pemuliharaan dilakukan. Hal ini dinyatakan dalam penulisan buku Ahmad (1994), menyenaraikan bahawa terdapat empat kriteria yang telah diwujudkan oleh *In ternational Centre for Study on Presevation and Restoration of Cultural Property* (ICCROM) iaitu keaslian dalam bahan binaan, keaslian dalam reka bentuk, keaslian dalam kerja binaan dan pertukangan dan keaslian dalam kedudukan. Empat kriteria ini adalah merupakan garis panduan yang telah ditetapkan yang menjadi rujukan dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Melalui pendekatan tersebut, kerajaan dapat menyelamatkan bangunan atau monumen daripada rosak atau usang melalui pelbagai pendekatan yang diwujudkan. Selain itu, dalam amalan pemuliharaan bangunan warisan, terdapat lima rangka telah dibentuk yang merangkumi dari segi penyelidikan awalan, kajian kerosakan bangunan, penyediaan dokumen tender, kerja-kerja pemuliharaan bangunan dan pengurusan warisan.

Dalam kajian Din (2022), telah membincangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan termasuklah dari aspek kerja-kerja penyelenggaraan bangunan warisan. Hal ini demikian kerana, kerja pembakaian dan pemuliharaan akan dilakukan mengikut jenis kerosakan yang terdapat pada bangunan. Dalam kajian Zuraidi. et. Al., (2019) pula menyatakan bahawa terdapat beberapa

kriteria-kriteria yang perlu dilihat sebelum melakukan proses pemuliharaan ke atas sesebuah bangunan warisan. Antara kriteria yang perlu dilihat adalah dari segi kerosakan yang terdapat pada fabrik bangunan, struktur dan juga perkhidmatan. Perkara ini merupakan antara pendekatan konservasi melalui kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan.

Menerusi kajian Rashid (2011) beliau berpendapat bahawa kadar penyenggaraan bangunan warisan di Malaysia masih berada di tahap yang sederhana menyebabkan ianya memerlukan penambahbaikan secara berterusan. Hal ini kerana, sekiranya pemuliharaan bangunan tidak dijalankan, bangunan warisan akan diancam kemusnahan dan hilang begitu sahaja. Dalam kajian ini telah menunjukkan statistik peruntukan yang telah dibelanjakan dalam kerja pembaikkan bangunan dan sistem perkhidmatan bangunan yang diperoleh daripada Kementerian Kewangan Malaysia dari tahun 2004 sehingga 2008. Melalui perkiraan tersebut, kos yang telah dibelanjakan untuk kerja pembaikkan adalah sentiasa meningkat setiap tahun. Perkara ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di negara kita.

Melalui kajian Kamal dan Ahmad (2007), yang bertajuk Pendekatan dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Umum membincangkan berkaitan dengan pendekatan pemuliharaan bangunan yang sesuai dilaksanakan untuk mengelakkan daripada berlakunya kerosakan yang lebih teruk lagi. Kajian ini turut membincangkan tentang masalah yang dihadapi sekiranya aktiviti pemuliharaan yang dijalankan tidak mengikuti garis panduan pemuliharaan yang telah ditetapkan. Kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan haruslah mengikuti prinsip, falsafah dan etika pemuliharaan bangunan yang betul agar tidak merosakkan lagi struktur atau elemen bangunan. Kajian ini juga memberikan cadangan pemuliharaan

yang perlu dicontohi dengan kadar gangguan terhadap kerosakan bangunan yang paling minimal dilakukan.

Pemuliharaan bangunan bersejarah adalah sebuah usaha murni yang menjuruskan kepada kelanjutan jangka hayat serta tahap keselamatan bangunan. Hal ini bagi memastikan ancaman kerosakan dan kemerosotan pada struktur bangunan warisan dapat diperlahankan. Pihak kerajaan juga turut mewujudkan jabatan dan unit bagi menguruskan hal yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan selain menyediakan garis panduan pemuliharaan serta peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan (Afandi, 2010). Perkara ini dapat menunjukkan bahawa kerajaan sedang berusaha sebaik mungkin dalam melindungi bangunan warisan di Malaysia.

2.8 Isu dan Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan.

Berdasarkan kajian lepas yang telah dirujuk iaitu kajian yang dijalankan oleh Masrom dan Abdul Kadir (2020), yang bertajuk Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Istana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan. Kajian ini telah membincangkan beberapa perkara yang melibatkan tentang cabaran dalam pemuliharaan bangunan. Berdasarkan hasil kajian ini, terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti yang menyebabkan kurangnya aktiviti pemuliharaan dilakukan ke atas bangunan warisan antaranya adalah kekurangan tenaga pakar dalam menguruskan pengurusan pemuliharaan dan juga kelemahan pendokumentasian yang menyukarkan kerja pemuliharaan dilakukan. Bukan itu sahaja, kesukaran dalam mendapatkan bahan dan kos pemuliharaan yang tinggi juga telah menjadi salah satu cabaran dalam proses pemuliharaan bangunan warisan.

Dalam Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Unimas 2011 : Pembangunan Ke Arah Masa Depan yang Mapan dengan tajuk Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan

Warisan Di Malaysia yang ditulis oleh Zuraidi, Aksah & Rahman (2011) Persidangan ini membincangkan tentang masalah yang telah dihadapi dalam aktiviti pemuliharaan bangunan warisan yang terdapat di Malaysia. Dalam persidangan ini juga, pengkaji menyatakan bahawa masih terdapat kelompongan dari segi tindakan pemuliharaan ke atas bangunan warisan berusia beratus tahun yang telah mengalami pelbagai jenis kerosakan. Selain itu, terdapat beberapa masalah yang telah dihadapi sebagai contoh kekurangan peruntukan dana pembaikkan, kesukaran dalam mendapatkan bahan, kegiatan vandalisme yang tidak terkawal dan sebagainya. Selain itu, sikap pemilik bangunan atau tapak warisan yang tidak kisah tentang penjagaan bangunan dengan cara yang betul juga merupakan antara faktor kerosakan pada bangunan.

Kajian seterusnya yang dilakukan oleh Rijem (2019), yang bertajuk Rumah Kedai Bersejarah di Pantai Barat Sabah: Isu Pemeliharaan, Perlindungan dan Alternatif Cadangan. Kajian ini membincangkan tentang isu yang berlaku dalam pemeliharaan dan cadangan perlindungan bangunan warisan di Sabah. Keseluruhannya, artikel ini mengulas berkaitan tentang ancaman kerosakan yang berlaku pada bangunan kesan daripada kurangnya pemantauan terhadap kerja pembaikan terhadap bangunan lama tersebut. Selain itu, isu yang dihadapi juga melibatkan isu pemilikan individu serta masalah kewangan, kurangnya kesedaran ke atas kepentingan warisan. Kelemahan pihak pengurusan dalam menguruskan kerja-kerja pemuliharaan bangunan menyebabkan bangunan lama tersebut telah mengalami kesusutan nilai dari segi seni bina, nilai estetika dan sebagainya.

Kajian lain yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan pernah dilakukan oleh penyelidik Narsahruddin dan Mat Radzuan (2022). Dalam kajian ini membincangkan tentang pemuliharaan bangunan kolonial dan mengenalpasti isu yang berlaku dalam pelaksanaan aktiviti penyelenggaraan dan pemuliharaan di Sekolah Tinggi Muar,

Johor. Terdapat beberapa isu dan masalah dalam kerja-kerja penyelenggaraan antaranya adalah seperti kekurangan dana peruntukan, kekurangan tenaga pakar yang berkemahiran dalam kerja pemuliharaan, kelemahan pihak pengurusan, kekurangan kakitangan, dan juga aktiviti vandalisme. Isu-isu ini telah menjadi salah satu cabaran dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan.

Menurut Baco (2018), dalam jurnal beliau yang bertajuk Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar Di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012), telah menyatakan bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pengrusan warisan bina bandar dan antaranya adalah ancaman dalam yang merujuk kepada konflik pihak berkepentingan. Perkara ini melibatkan agensi pengurusan warisan pada peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan mahupun masalah daripada agensi pengurusan warisan dengan pemilik tapak. Isu ini melibatkan kelemahan dari segi kerjasama antara satu sama lain dalam mendapatkan kata sepakat dalam usaha penyelenggaraan yang sepatutnya dilaksanakan.

Menerusi kajian Afandi (2010), menyatakan bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan adalah seperti kurangnya kerjasama dan kesedaran dari pemilik bangunan warisan terhadap kepentingan melaksanakan kerja pemuliharaan bangunan warisan. Selain itu, cabaran terbesar adalah dari segi peruntukan kewangan untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan. Hal ini demikian kerana, kos penyeleggaran bangunan warisan memakan kos yang sangat tinggi. Dalam penulisan buku Ali (2013) yang bertajuk Teknologi dan Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan juga ada menyentuh berkaitan dengan isu dan cabaran dalam pemuliharaan bangunan. Dalam kajian beliau menyatakan bahawa sumber kewangan adalah faktor yang sangat penting dalam memastikan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dapat dilakukan dengan

baik. Selain itu, kesukaran dalam mendapat bahan gantian juga menyebabkan gangguan dalam kerja pembaikkan. Hal ini kerana, terdapat bahan binaan yang tidak berada di pasaran tenpatan yang menyebabkan bahan tersebut didapatkan dari luar negara. Keadaan seperti ini mengambil masa yang lama untuk menunggu ketibaan bahan dan peralatan yang ingin digunakan. Perkara seperti ini telah melambatkan lagi kerja pembaikkan pada bangunan.

2.9 Aplikasi Teori : Teori *Stakeholder*

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori *Stakeholder* yang diperkenalkan oleh R. Edward Freeman (1984). Teori ini berkaitan dengan penglibatan pihak berkepentingan dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, teori ini digunakan untuk mengkaji pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith yang terletak di Sandakan, Sabah. Pendekatan teori ini dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Teori *stakeholder* ini juga lebih memfokuskan kepada pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sesebuah organisasi. Di dalam melakukan kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith demi meneruskan perlindungan ke atas bangunan tersebut. Teori ini juga telah mengkategorikan *stakeholder internal* dan *stakeholder eksternal* yang merupakan antara penyumbang terbesar dalam usaha memulihara bangunan warisan. Setiap pihak berkepentingan yang dikenalpasti mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri terutamanya dalam pengurusan pemuliharaan bangunan warisan. Justeru itu, teori ini digunakan untuk menjawab objektif pertama yang ingin mengenalpasti pihak berkepentingan dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith di Sandakan.

2.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan tentang dengan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji lain yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Kajian lepas yang dirujuk adalah merangkumi daripada aspek pemuliharaan, pemeliharaan, pihak berkepentingan, usaha pemuliharaan, aspek pengurusan dan juga isu serta cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan. Di samping itu, hasil daripada kajian lepas ini menunjukan bahawa terdapat pelbagai isu dan cabaran yang berlaku dalam usaha pemuliharaan bangunan warisan yang berlaku di Malaysia. Hal ini menunjukan bahawa masih terdapat kelemahan yang berlaku dalam pengurusan pemuliharaan bangunan warisan yang menyebabkan kurangnya kerja-kerja pemuliharaan dilaksanakan ke atas kerosakan yang terdapat pada bangunan. Kajian ini juga menggunakan teori *stakeholder* dalam menentukan siapakah pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith. Melalui sorotan kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap pemuliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith masih belum pernah dikaji lagi. Meskipun bangunan warisan ini pernah melalui proses pembaikan pada tahun 2001 dan 2003, namun selepas itu, tiada lagi aktiviti konservasi susulan dilakukan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan


Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan definisi metodologi adalah sebuah sistem yang melibatkan kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam menjalankan sesuatu kegiatan. Metodologi kajian terbahagi kepada tiga kategori iaitu kualitatif, kuantitatif dan juga gabungan. Terdapat beberapa elemen yang harus dilihat dalam metodologi penyelidikan ini antaranya adalah dari segi reka bentuk kajian, lokasi, persampelan, pengumpulan data, instrumen penyelidikan serta penganalisis data yang diperoleh untuk mendapatkan hasil penyelidikan yang baik.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian dengan pendekatan kajian kes dalam kajian ini. Kaedah kualitatif digunakan dalam mendapatkan maklumat secara lebih terperinci lagi berkaitan dengan kajian. Seterusnya, terdapat dua sumber yang digunakan iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah melibatkan pengumpulan data hasil daripada temu bual, pemerhatian dan juga kajian lapangan manakala data sekunder adalah seperti rujukan surat khabar, internet, perpustakaan dan sebagainya. Kaedah yang dipilih haruslah bersesuaian dengan objektif kajian bagi memudahkan dalam mendapatkan maklumat dalam kajian ini.

3.2 Reka bentuk Kajian

Dalam kajian kes Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah yang terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer adalah kaedah penyelidikan yang merangkumi pendekatan kualitatif

seperti temu bual, kajian lapangan dan pemerhatian. Temubual akan dilakukan oleh pengkaji terhadap beberapa pihak berkepentingan dalam menguruskan bangunan warisan tersebut. Temubual juga dilakukan terhadap masyarakat setempat untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian. Data sekunder pula melibatkan rujukan di perpustakaan, kajian daripada pengkaji lain dan juga rujukan di internet. Berikut merupakan carta alir kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji :



Rajah 3.1: Carta Alir Proses Penyelidikan
Sumber : Pengkaji (2023)

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Menurut Mohamed Berawi (2017) dalam penulisan buku yang bertajuk Metodologi penyelidikan: Panduan menulis tesis ada menyatakan bahawa kaedah penyelidikan kualitatif adalah kaedah kajian yang tidak bergantung sepenuhnya kepada penomboran. Tujuan kaedah kualitatif adalah kaedah pentafsiran terhadap fenomena sosial (Salim, 2018). Namun ia dipersembahkan dalam bentuk penceritaan

ataupun andaian. Selain itu, kaedah kualitatif adalah merupakan kaedah kajian yang berasaskan kepada kajian lapangan, rakaman suara, rakaman video, pemerhatian dan juga temu bual. Melalui kaedah ini juga, maklumat yang telah didapatkan akan dikumpul dan dianalisis. Kaedah ini dapat memberikan kefahaman yang lebih terperinci lagi terhadap kajian yang ingin dikaji.

i. Kajian Kes

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan pendekatan kajian kes. Menurut Mamik (2015) menyatakan bahawa kaedah kajian kes adalah salah satu pendekatan yang digunakan dalam kaedah kualitatif. Memandangkan kajian ini hanya memfokuskan kepada isu dan cabaran pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith, maka kajian kes adalah rekabentuk kajian yang dipilih dalam kajian ini. Selain itu, melalui kaedah kualitatif ini juga dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan siapakah pihak berkepentingan dalam pengurusan serta mengetahui peranan pihak berkepentingan dalam usaha pemuliharaan yang dilaksanakan ke atas bangunan tersebut. Di samping itu, melalui kaedah ini, pengkaji dapat menemu bual beberapa orang informan untuk mendapatkan jawapan berkaitan dengan kajian.

3.3 Pengumpulan Data

3.3.1 Data Primer

Menurut Hua (2016), data primer adalah sumber yang melibatkan kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail ataupun laporan. Data primer ini didapatkan melalui individu, masyarakat, kumpulan berfokus dan sebagainya.

i. Kajian Lapangan

Kajian lapangan ataupun juga dikenali sebagai kajian tinjauan yang bertujuan untuk melihat sendiri keadaan di kawasan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah ini dengan membuat pemerhatian dan melihat keadaan di kawasan kajian di Rumah Agnes Keith Sandakan, Sabah. Dengan adanya kajian lapangan, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang lebih terperinci lagi untuk menjawab segala persoalan yang telah diutarakan dalam kajian ini. Pengkaji telah melakukan analisis terhadap apa yang diperhatikan di kawasan kajian dengan merekodkan data melalui mengambil gambar, rakaman dan juga catatan untuk simpanan yang digunakan dalam menghasilkan laporan kajian. Melalui kaedah ini, ia dapat memudahkan pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang ingin dicari.

ii. Temu bual

Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data dan maklumat dalam menjalankan kajian ini. Temu bual terbahagi kepada dua iaitu temu bual mendalam dan temu bual kumpulan fokus (Jasmi, 2012). Kaedah temubual mendalam digunakan dalam kajian ini yang melibatkan beberapa informan yang berbeza. Temubual mendalam adalah bersifat luas, terbuka, tidak berstruktur dan tidak bersifat tetap (Jasmi, 2012). Maklumat boleh didapatkan terus melalui pendekatan temu bual yang menumpukan kepada beberapa soalan tertentu bagi menjawab objektif kajian. Selain itu, pengkaji juga memperolehi maklumat dari segi latar belakang kajian serta maklumat-maklumat lain dengan lebih terperinci lagi hasil daripada pendekatan temu bual secara bersemuka tersebut bersama responden yang telah dipilih.

Dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan temu bual secara bersemuka terhadap beberapa orang responden merujuk kepada pihak berkepentingan yang terlibat dalam menguruskan bangunan dan juga masyarakat di sekitar kawasan tersebut. Data dan maklumat yang diperolehi akan disimpan dan direkodkan sebagai rujukan sepanjang menyiapkan kajian ini. Hal ini bagi mengelakkan keciciran maklumat daripada responden. Selain itu, pengkaji akan merakam audio dan membuat catatan di buku semasa menjalankan temu bual untuk memudahkan pengkaji menyiapkan laporan.

Jadual 3.1: Senarai responden.

Sumber : Kajian lapangan 2023

Kod Responden	Nama	Pekerjaan	Tarikh Temubual	Lokasi
Responden 1	Puan Safina binti Yusof	Penolong Kurator G29 (Ketua Muzium Cawangan Pantai Timur)	2 Ogos 2023	Pejabat Rumah Agnes Keith
Responden 2	Encik Dius bin Kubud	Kurator Jabatan Muzium Sabah (Ketua Jabatan Muzium Antikuiti dan Warisan)	26 Sepetember 2023	Pejabat Jabatan Muzium Sabah
Responden 3	Puan Ivy Clara Attian	Penolong Pegawai Tadbir (Ketua Jabatan Pelancongan) Majlis Perbandaran Sandakan.	3 Oktober 2023	Pejabat Jabatan Pelancongan (Majlis Perbandaran Sandakan)
Responden 4	Encik Rafie bin Anam	Kakitangan Pekerja Rumah Agnes Keith	15 Ogos 2023	Pejabat Rumah Agnes Keith
Responden 5	Puan Siti Aisyah	Pelancong tempatan	11 September 2023	Rumah Agnes Keith
Responden 6	Cik Nisa	Masyarakat	4 September 2023	Halaman Ruman Agnes Keith.

iii. Pemerhatian

Menurut Jasmi (2012), pemerhatian terbahagi kepada dua bahagian iaitu pemerhatian secara terus (*Direct Observation*) dan juga pemerhatian melalui penglibatan (*Participant-Observation*). Pemerhatian haruslah dilakukan dengan melihat secara langsung terhadap keadaan bangunan warisan dan saling berinteraksi bersama responden. Hal ini penting dalam membuat hipotesis awal dalam menjalankan kajian ini. Bukan itu sahaja, melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat merungkai segala isi tersurat dan tersirat yang berkaitan dengan skop kajian. Pemerhatian dilakukan di keseluruhan tempat dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak berkepentingan keatas bangunan agar dapat menjawab objektif dan persoalan kajian. Pengkaji juga mengambil gambar dan membuat catatan nota yang berkaitan dengan kajian untuk dijadikan sebagai data dan maklumat semasa melaksanakan pemerhatian di lapangan.

Iv. Analisis dokumen

Kajian ini juga mendapatkan maklumat melalui pendekatan analisis dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji telah mencari maklumat dengan membuat rujukan seperti jurnal, buku penulisan, berita-berita atas talian, surat khabar dan sebagianya. Pengkaji juga membuat rujukan dokumen daripada pihak pengurusan untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, pengkaji membuat catatan untuk setiap maklumat yang diperolehi untuk dianalisis bagi menjawab ketiga-tiga objektif tersebut.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder kebiasanya didapatkan melalui kaedan analisis dokumen dan sebagainya. Antara contoh sumber yang diperolehi adalah daripada rujukan artikel internet, jurnal, akhbar, majalah, laporan bertulis dan sebagainya.


i. Perpustakaan

Rujukan buku merupakan antara kaedah yang digunakan dalam mendapat maklumat kajian. Pengkaji membuat rujukan dan meminjam beberapa buah buku daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan dan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Rujukan ini juga dilakukan secara atas talian dan juga secara langsung di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok.

ii. Rujukan Internet

Pengkaji menggunakan rujukan intenet dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan bangunan warisan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah. Pengkaji telah membuat rujukan di melalui kajian penyelidikan yang terdapat pada artikel, jurnal, buku, surat khabar dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hal ini demikian kerana, terdapat pelbagai maklumat seperti gambar, lokasi, dan maklumat lain daripada *google scholar*, *research gate*, *Acedemia.edu* dan sebagainya yang menyimpan pelbagai jenis kajian penyelidikan daripada dalam dan luar negara. Pengkaji juga merujuk *UMK library* untuk mencari rujukan kajian-kajian lepas yang bekaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji juga mencatat semua maklumat yang diperoleh untuk dianalisis bagi membantu dalam menjawab objektif kajian.

3.3.3 Proses kajian



Rajah 3.2: Proses kajian
Sumber : Pengkaji 2023.

3.4 Persampelan Kajian

Persampelan merupakan penentuan yang dilakukan terhadap kajian dengan memilih suatu kumpulan yang mewakili orang, institusi, tempat atau fenomena berdasarkan kajian tersebut. Persampelan ini dapat membantu dalam mendapatkan maklumat. Terdapat dua jenis persampelan iaitu persampelan kebarangkalian (*Probability Sampling*) dan juga persampelan bukan berkebarangkalian (*Non Probability Sampling*). Bagi kajian ini persampelan bukan kebarangkalian dengan teknik bebola salji (*Snowball*) adalah elemen yang digunakan. Maklumat yang diperlukan akan didapatkan secara langsung melalui kaedah temu bual, analisis dokumen, pemerhatian dan kajian lapangan. Teknik ini adalah bergantung kepada informan masyarakat dan pihak pengurusan sebagai rujukan utama untuk menyelesaikan kajian tersebut. Teknik

SnowBall ini akan dilakukan secara bersemuka untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci lagi.

3.4.1 Teknik Pensampelan Bertujuan

Kajian ini memfokuskan kepada kajian dalam terhadap pemuliharaan Rumah Agnes Keith yang terletak di Sandakan, Sabah. Pengkaji juga telah memilih beberapa responden yang terlibat dan mengikut kepakaran mereka.

Jadual 3.2 : Latar belakang responden.


Sumber : Kajian Lapangan, 2023

Responden	Nama	Pekerjaan
Responden 1	Puan Safina binti Yusof	Penolong Kurator G29 (Ketua Muzium Cawangan Pantai Timur)
Responden 2	Encik Dius bin Kubud	Kurator Jabatan Muzium Sabah (Ketua Jabatan Muzium Antikuiti dan Warisan)
Responden 3	Puan Ivy Clara Attian	Penolong Pegawai Tadbir (Ketua Jabatan Pelancongan) Majlis Perbandaran Sandakan.
Responden 4	Encik Rafie bin Anam	Kakitangan Pekerja Rumah Agnes Keith
Responden 5	Puan Siti Aisyah	Pelancong tempatan
Responden 6	Cik Nisa	Masyarakat

Jadual 3.2 menunjukkan enam orang responden yang berbeza mengikut kepada bidang kepakaran mereka telah dipilih dalam kajian ini. Kesemua responden ini berumur 30 tahun ke atas bersesuaian dengan pengalaman mereka dan penglibatan mereka dalam menguruskan pemuliharaan dan pemeliharaan Rumah Agnes Keith .

3.4.2 Teknik Persampelan Bebola Salji (*Snowball*)

Teknik ini melibatkan proses yang berulang sehingga pengkaji merasakan data dan maklumat yang diinginkan sudah mencukupi. Teknik ini melibatkan seorang responden dan responden yang seterusnya. Menurut Nurdiani (2014), *technik sampling snowball* merupakan suatu kaedah untuk mengenalpasti, memilih dan mengambil sample dalam suatu jaringan atau rantau hubungan secara berterusan. Gambar rajah dibawah merupakan contoh aliran daripada teknik bebola salji.



Rajah 3.3: Teknik bebola salji (*Snowball*)
Sumber : Pengkaji (2023)

3.4.3 Saiz Persampelan

Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan dan membuat pemilihan responden yang mempunyai pengetahuan dan terlibat dalam pengurusan pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith, tersebut. Seramai enam orang responden yang telah ditemubual secara bersemuka untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian. Kesemua responden yang telah ditemu bual merupakan antara pihak yang berkepentingan terhadap rumah tersebut. Pemilihan responden ini adalah untuk memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil responden mengikut saiz sampel bidang kepakaran mereka yang berbeza dan antaranya adalah dua orang responden yang merupakan kurator muzium, seorang responden daripada Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), pekerja muzium, pelancong dan juga masyarakat. Kesemua responden ini merupakan antara pihak berkepentingan secara langsung dan tidak langsung.

3.5 Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan ini adalah untuk membantu dalam mendapatkan maklumat dan mengumpul data kajian. Antara instrumen yang digunakan adalah seperti kamera, telefon pintar, buku catatan dan juga rakaman video.

i. Telefon pintar

Pengkaji menggunakan telefon pintar untuk pengambilan gambar, video dan sebagainya. Telefon pintar juga digunakan untuk merakam audio perbualan semasa sesi temubual bersemuka berlangsung. Ini adalah sebagai bukti dalam pendokumentasian dalam melaksanakan kajian ini.

ii. Buku Catatan

Buku catatan merupakan instrumen yang penting dalam kajian. Hal ini kerana, buku catatan digunakan untuk mencatat semua maklumat penting termasuklah maklumat yang diperolehi melalui kaedah temubual secara rasmi ataupun temubual secara rawak. Buku catatan ini juga menjadi salah satu bukti kajian yang sedang dijalankan.

3.6 Analisis Data


Berdasarkan kepada kaedah kualitatif tersebut, analisis data akan dilakukan selepas mendapat keseluruhan maklumat yang diinginkan untuk kegunaan dalam kajian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis data Tematik. Semua maklumat hasil daripada pemerhatian dan temubual akan dicatat dalam bentuk transkripsi dengan mengasingkan jawapan dalam bentuk penulisan. Setiap data yang diperolehi melalui kaedah yang telah dirancang akan diproses dan dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian. Justeru itu, analisis data dilakukan dan tujuannya adalah untuk memudahkan pengkaji dalam mendapatkan jawapan.

Jadual 3.3: Kaedah analisis data
Sumber: Pengkaji (2023)

Objektif kajian	Kaedah Analisis Data	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian
Objektif 1 <ul style="list-style-type: none">● Mengenalpasti pihak berkepentingan terhadap pengurusan pemuliharaan.	<ul style="list-style-type: none">● Temu bual	<ul style="list-style-type: none">● Kajian lapangan	<ul style="list-style-type: none">● Telefon pintar● Buku catatan
Objektif 2 <ul style="list-style-type: none">● Mengkaji peranan pihak berpentingan dalam usaha pemuliharaan yang dilakukan ke atas Rumah Agnes Keith.	<ul style="list-style-type: none">● Temu bual● Analisis dokumen.	<ul style="list-style-type: none">● Kajian lapangan	<ul style="list-style-type: none">● Telefon pintar● Buku catatan
Objektif 3 <ul style="list-style-type: none">● Mengetahui isu dan cabaran pihak berkepentingan dalam pengurusan pemuliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith	<ul style="list-style-type: none">● Temu bual● Analisis data	<ul style="list-style-type: none">● Kajian lapangan	<ul style="list-style-type: none">● Telefon pintar● Buku catatan

3.6.1 Kualitatif : Analisis Tematik

Analisis tematik merangkumi enam susunan yang kebiasaanya digunakan dalam kaedah penyelidikan kualitatif. Susunan kaedah ini melibatkan penyusunan data transkripsi, pengekodan, penentuan tema, laporan dan triangulasi (Junaid, n.d)



Rajah 3.4: Carta Aliran analisis tematik.

Sumber: Pengkaji (2023).

Rajah 3 merupakan aliran dalam proses menganalisis data. Data yang diperolehi hasil daripada temubual bersama beberapa informan dan juga pemerhatian akan dianalisis melalui transkripsi temubual bagi memudahkan dalam mendapatkan kesimpulan data. Proses pertama yang akan dilakukan adalah menghasilkan satu transkrip teks yang diperolehi daripada audio rakaman temubual. Rakaman temubual tersebut akan ditafsir dan ditulis semula dalam bentuk transkrip untuk memudahkan maklumat yang diperolehi tersusun.

Seterusnya, proses pengkodan. Transkrip yang telah ditafsirkan akan dibaca dengan meneliti keseluruhan data yang didapatkan. Setiap petikan hasil daripada temubual bersama informan akan dianalisis dan segala catatan yang telah dicatat akan disusun semula agar tidak berlakunya kecinciran maklumat yang diinginkan. Setelah itu, penentuan tema akan dilakukan mengikut objektif yang telah dibentuk dan bersesuaian. Bahagian ini akan melihat dan memahami setiap maklumat penting yang telah diasingkan hasil daripada analisis tersebut. Selepas itu, laporan lengkap akan dihasilkan mengikut penyusunan maklumat tersebut untuk memudahkan dalam menyiapkan dapatan kajian. Proses yang terakhir adalah triangulasi. Bahagian ini akan mengabungkan kesemua data dan maklumat yang diperoleh hasil daripada pendekatan

pemerhatian, temubual, sorotan kajian dan juga sumber rujukan daripada internet, buku dan juga artikel-artikel yang berkaitan.

3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, metodologi merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian. Bab ini juga merangkumi proses pengumpulan data, kaedah kajian, instrumen yang digunakan, analisis data dan sebagainya. Tujuan pengkaji menggunakan kaedah kualitatif adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci lagi berkaitan dengan tajuk kajian yang ingin dikaji. Kajian ini juga akan melibatkan beberapa pihak berkepentingan dan juga masyarakat di sekitar kawasan kajian. Melalui kaedah dan pendekatan tersebut, pengkaji dapat mengenalpasti siapakah pihak yang terlibat, peranan pihak berkepentingan dalam pengurusan serta isu dan cabaran dalam pengurusan pemuliharaan bangunan rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan berkaitan dengan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui proses pengumpulan data yang diperolehi melalui kaedah kualitatif. Kaedah ini melibatkan pendekatan temubual yang yang telah dilakukan ke atas beberapa responden yang berbeza dan juga berdasarkan analisis dokumen serta tinjauan di kawasan kajian. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat melalui penggunaan data primer dan data sekunder sebagai sokongan data dalam melaksanakan kajian ini. Temu bual telah dijalankan ke atas enam orang responden yang berlainan. Hasil daripada temu bual tersebut, data akan dianalisis melalui penggunaan analisis bertema berdasarkan perbualan yang telah dilakukan. Beberapa tema telah dipecahkan iaitu pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan, peranan pihak berkepentingan, usaha pemuliharaan yang telah dilaksanakan serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap pihak berkepentingan tersebut dalam usaha pemuliharaan bangunan rumah agnes keith .

Dalam objektif pertama iaitu merujuk kepada peranan pihak berkepentingan, pengkaji telah menemu bual beberapa responden yang terlibat iaitu daripada pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Cawangan Pantai Timur, pelancong tempatan, kakitangan pekerja serta masyarakat untuk menjawab objektif pertama kajian ini. Objektif kedua pula adalah mengkaji peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith. Pengkaji telah menemu bual seramai enam orang responden dan membuat analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan usaha yang telah dilakukan oleh pihak-pihak tersebut. Pengkaji juga turut melakukan tinjauan dan pemerhatian di

kawasan lokasi kajian untuk melihat sendiri keadaan bangunan serta di persekitarannya.

4.2 Latar Belakang Responden

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual seramai enam orang responden yang terdiri daripada pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Pengkaji telah memilih dan memfokuskan kepada pihak berkepentingan berdasarkan kepakaran, peranan, pengetahuan, pengalaman dan kedudukan mereka. Hal ini demikian kerana, pengurusan penjagaan bangunan warisan ini telah melibatkan kerjasama daripada beberapa pihak berkepentingan (*Stakeholder*) antaranya adalah dari pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri itu sendiri. Namun, penglibatan daripada pihak luar seperti masyarakat, pelajar dan pihak lain juga adalah termasuk dalam kategori pihak berkepentingan. Jadual 4.1 menunjukkan senarai responden:

Jadual 4.1 : Latar belakang responden
Sumber : Pengkaji (2023)

Kod Responden	Nama	Pekerjaan	Tarikh Temubual	Lokasi
Responden 1	Puan Safina binti Yusof	Penolong Kurator G29 (Ketua Muzium Cawangan Pantai Timur)	2 Ogos 2023	Pejabat Rumah Agnes Keith
Responden 2	Encik Dius bin Kubud	Kurator Jabatan Muzium Sabah (Ketua Jabatan Muzium Antikuiti dan Warisan)	26 September 2023	Pejabat Jabatan Muzium Sabah
Responden 3	Cik Ivy Clara Attian	Penolong Pegawai Tadbir (Ketua Jabatan Pelancongan) Majlis Perbandaran Sandakan.	3 Oktober 2023	Pejabat Jabatan Pelancongan (Majlis Perbandaran Sandakan)

Responden 4	Encik Rafie bin Anam	Kakitangan Pekerja Rumah Agnes Keith	15 Ogos 2023	Pejabat Rumah Agnes Keith
Responden 5	Puan Siti Aisyah	Pelancong tempatan	11 September 2023	Rumah Agnes Keith
Responden 6	Cik Nisa	Masyarakat	4 September 2023	Halaman Rumah Agnes Keith.

4.3 Mengenal pasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah.

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab objektif pertama iaitu mengenal pasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah. Hasil daripada maklumbalas dan temubual yang telah dilaksanakan terhadap beberapa orang responden, terdapat beberapa pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith. Pengkaji juga telah mengaplikasikan teori *Stakeholder* untuk menjawab objektif pertama dalam kajian ini. Setiap maklumat yang diperolehi adalah hasil jawapan daripada temu bual yang telah dilaksanakan oleh pengkaji di kawasan kajian. Teori *Stakeholder* telah terbahagi kepada dua kategori iaitu *Internal Stakeholder* dan *External Stakeholder*. Penglibatan pihak berkepentingan adalah penting dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan projek pemuliharaan dapat dilaksanakan (Ar.Suzana Binti Amat,2018). Berikut merupakan pihak berkepentingan secara langsung dan tidak langsung yang terlibat dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith:

4.3.1 Pihak Berkepentingan secara langsung (*Internal Stakeholder*)

a) Jabatan Muzium Negeri Sabah

Pihak berkepentingan secara langsung yang terlibat dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith adalah terdiri daripada pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS). Berdasarkan temubual terhadap responden satu, bangunan warisan Rumah Agnes Keith ini diambil alih oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) dan telah dijadikan sebagai salah satu tempat pelancongan yang utama di Sandakan pada tahun 2004. Menurut beliau, bangunan warisan ini berada di bawah jagaan sepenuhnya oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) dan pihak pengurusan Muzium Cawangan Pantai Timur adalah sebagai pihak yang menguruskan rumah tersebut atas arahan daripada Jabatan Muzium Negeri Sabah itu sendiri. Pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah turut dibantu dan disokong oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN). Selain itu, bangunan warisan ini turut dipantau dan dibawah jagaan Pihak Berkua Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Sandakan (MPS). Berikut merupakan kenyataan daripada responden satu:

“Sekarang ini, bangunan ini berada di bawah jagaan Jabatan Muzium Negeri Sabah dan diuruskan oleh cawangan Muzium Pantai Timur dan kami punya HQ adalah di Kota Kinabalu.”

(R1, 2 Ogos, kajian lapangan 2023)

Responden tiga turut menyokong dan menyatakan perkara yang sama iaitu penjagaan Rumah Agnes Keith ini dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Muzium Sabah dan diuruskan oleh pihak Pihak Muzium Pantai Timur. Menurut responden tiga, ‘....Sepenuhnya kami akan lakukan dan uruskan sendirilah. Jabatan muzium sendiri yang akan kelola. Macam ada kerosakan, pihak muzium yang akan urusakan sendiri....’ (Temu bual, 15 Ogos, kajian lapangan 2023).

Pihak Muzium Pantai Timur adalah pihak yang diberikan tanggungjawab oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah untuk memantau dan menguruskan muzium-muzium yang berada di bahagian Pantai Timur. Menurut responden, selain daripada menguruskan muzium yang berada di Sandakan, beliau juga menguruskan muzium yang berada di daerah Kinabatangan dan Semporna.

Berdasarkan temubual tersebut, pihak kerajaan pusat dan kerajaan negeri merupakan pihak berkepentingan yang mempunyai tanggungjawab besar dalam memulihara dan memelihara bangunan warisan. Hal ini demikian kerana, segala peruntukan dana dan kerja penyelenggaraan akan dimaklumkan dan diuruskan oleh pihak tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan pusat dan negeri harus berkerjasama ke atas penjagaan bangunan warisan agar sentiasa dalam keadaan yang baik dan dipantau dari masa ke masa.

b) Kakitangan Pekerja Rumah Agnes Keith.

Kakitangan pekerja di Rumah Agnes Keith juga merupakan pihak berkepentingan secara langsung terhadap pemuliharaan rumah tersebut. Hal ini demikian kerana, pihak ini merupakan antara pihak yang terdekat dan sentiasa berada di persekitaran bangunan. Perkara ini juga telah dinyatakan oleh responden satu dan mengatakan bahawa pihak kakitangan haruslah sentiasa memberikan kerjasama dengan pihak pengurusan dan bersama-sama dalam memastikan keadaan bangunan tersebut dalam keadaan yang baik.

“Peranan kakitangan amat pentinglah. Macam contoh, pengawal keselamatan yang bertugas, ataupun pembersih pejabat dan lain-lain. Kita pun ada kita punya unit penyelenggaraan. So setiap masa kalau

ada kerosakan yang berlaku memang dorang akan laporkan kepada saya”.

(R1, 2 Ogos, kajian lapangan 2023)

4.3.2 Pihak Berkepentingan secara tidak langsung (*External Stakeholder*)

a) Pihak Bekuasa Tempatan (PBT)

Responden tiga menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan yang merujuk kepada Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) juga terlibat dalam kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith tersebut. Pihak ini merupakan pihak berkepentingan secara tidak langsung terhadap pemuliharaan Rumah Agnes Keith. Penglibatan pihak ini memberikan kepentingan terhadap penjagaan rumah dan sekaligus terlibat dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan tertentu. Pihak ini juga memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sesebuah kawasan termassuklah pembangunan sektor pelancongan, pembangunan bandar, pemuliharaan warisan dan asbegainya. Selain itu, peranan disisi lain juga boleh dilihat melalui dari aspek penjagaan di persekitaran kawasan dan tapak bangunan, penyediaan kemudahan serta pihak MPS juga terlibat dalam mempromosikan bangunan ini sebagai tempat pelancongan di Sandakan. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh responden tiga selaku Penolong Pegawai Tadbir dan juga Ketua Jabatan Pelancongan Majlis Perbandaran Sandakan dalam temu bual tersebut. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

“Sebenarnya untuk Agnes Keith dia punya pembangunan dan pemuliharaan di selia oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah dan kami cuma membantu untuk menyediakan kemudahan tambahan, seperti

menyediakan papan tanda, kebersihan jalan, laluan pejalan kaki, bantuan dana program”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

Perkara yang sama turut dinyatakan oleh responden satu berkaitan dengan penglibatan dan tindakan daripada pihak MPS dalam pemeliharaan bangunan Rumah Agnes. Beliau juga ada menjelaskan tentang peranan MPS ke atas rumah tersebut. Berikut merupakan kenyataan yang diberikan oleh responden satu dalam temubual yang telah dilakukan :

“Tapi apa yang saya lihat adalah dari segi penjagaan persekitaran tapak bangunan ini. Selain itu, MPS ini dorang memang akan ada satu unit tindakan pelancongan Sandakan yang aktif dalam mempromosikan kita punya bangunan bersejarah di Sandakan dan terutamanya bangunan Rumah Agnes Keith ini”.

(R1, 2 Ogos , kajian lapangan 2023)

Selain itu, responden dua juga menyatakan bahawa, selain daripada pihak pengurusan, Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) adalah merupakan pihak yang berkuasa ke atas pemuliharaan tapak tersebut. Menurut responden dua, ‘....Selain daripada Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS), dia dipertanggungjawabkan bersamalah terutamanya sekali pihak berkuasa tempatan iaitu Malis perbandaran sandakan.’ (Temu bual, 26 September 2023). Beliau menjelaskan lagi bahawa pihak MPS berkuasa penuh di dalam daerah.

b) Pelajar

Selain daripada pihak kerajaan pusat dan negeri, pelajar juga merupakan antara individu yang berkepentingan dalam pemuliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith. Kenyataan ini telah diutarakan oleh responden satu, ‘*....Pelajar-pelajar sekolah yang mengadakan lawatan atau kajian penyelidikan berkaitan dengan bangunan ini telah menjadi salah satu kunci kekuatan kepada pihak pengurusan.*’ (Temu bual, 2 Ogos 2023). Hal ini dikatakan kerana, dengan adanya lawatan dan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pelajar ataupun penyelidik, pihak pengurusan akan sentiasa memelihara dan memulihara bangunan ini dari masa ke masa. Tujuannya adalah demi memastikan generasi pada hari ini dan akan datang dapat terus melihat dan menghayati tentang nilai sejarah pada bangunan tersebut.

c) Badan Bukan Berkanun (*NGO*)

Badan Bukan Berkanun (*NGO*) yang merujuk kepada Jejak Warisan Sandakan dan juga *Sandakan Tourism* adalah pihak turut terlibat secara tidak langsung dalam pelestarian Rumah Agnes Keith. Hal ini kerana, pihak ini berperanan dalam usaha memberikan pendedahan terhadap kefahaman sejarah kepada golongan anak muda pada hari ini.



Foto 4.1 : Pengasas Sandakan Heritage Trails iaitu Encik Lai King Hang (Kanan)
Sumber : Facebook Sandakan Heritage Trails


Rajah 4.1 merupakan pengasas Sandakan Heritage Trails dalam sesi temu bual bersama pihak radio Sandakan FM mengenai aktiviti mempromosikan Jejak Warisan Sandakan. Pihak ini juga telah melakukan pelbagai usaha pemeliharaan dan antaranya adalah giat mempromosikan bangunan ini sebagai bangunan bersejarah yang wajib dikunjungi di Sandakan. Sehingga ke hari ini, pihak ini masih lagi aktif menyebarkan kefahaman sejarah berkaitan dengan tapak-tapak warisan yang berada di Sandakan dan antara salah satunya adalah Rumah Agnes Keith ini.

d) Pelancong

Pelancong dari dalam dan luar negara juga telah dikenal pasti sebagai pihak berkepentingan yang terlibat secara tidak langsung terhadap rumah tersebut. Hal ini telah dinayatakan oleh responden yang mana pelancong samada pelancong dalam dan luar negara mempunyai kepentingan dalam memajukan sektor pelancongan di Sandakan. Hal ini demikian kerana, kunjungan pelancong daripada dalam dan luar negara ke rumah tersebut telah memberikan kebaikan kepada keberlangsungan penjagaan rumah Agnes Keith. Justeru itu, pentingnya penglibatan pihak berkepentingan secara tidak langsung ini agar bangunan warisan ini akan terus dikekalkan dan dipulihara dengan baik.

Berdasarkan data temubual yang diperolehi, pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith ini terdiri daripada tiga kumpulan penting iaitu pihak kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, pengurus yang dilantik dan juga konservator tempatan. Pihak badan bukan berkanun (*NGO*), kakitangan pekerja, masyarakat, pelajar serta pelancong tempatan itu sendiri juga memainkan peranan penting yang bertindak

sebagai pihak berkepentingan secara tidak langsung terhadap pemuliharaan bangunan tersebut.



Rajah 4.1 : Pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan pemuliharaan Rumah Agnes Keith.

Sumber: Pengkaji (2023)

4.4 Mengkaji peranan setiap pihak berkepentingan di dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah.

Berdasarkan kepada hasil dapatan daripada objektif pertama, setiap pihak berkepentingan yang terlibat mempunyai peranan yang berbeza dalam menguruskan pemuliharaan Rumah Agnes Keith di Sandakan, Sabah. Peranan pihak berkepentingan iaitu pihak kerajaan sememangnya mempunyai pengaruh yang kuat dalam melaksanakan sesuatu perkara yang melibatkan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Malaysia. Hal ini demikian kerana, pihak kerajaan berhak dan mempunyai kuasa besar ke atas setiap bangunan warisan yang ingin

dipulihara dengan berlandaskan kepada garis panduan pemuliharaan dan pemeliharaan yang disediakan oleh JWN dan selaras dengan apa yang dinyatakan dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005). Peranan daripada pihak berkepentingan ini adalah berbeza-beza seperti yang dinyatakan oleh responden.

4.4.1 Penyediaan Peruntukan Dana

Penyediaan bajet dan peruntukan dana untuk kerja pemuliharaan bangunan warisan berada di bawah tanggungjawab pihak kerajaan pusat dan juga pihak kerajaan negeri. Perkara ini juga telah diperuntukan di dalam peruntukan kewangan belanjawan negara pada setiap tahun yang berada di bawah sektor Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Sektor ini telah diperuntukan dana untuk melaksanakan projek-projek yang melibatkan pembangunan sektor pelancongan termasuklah dari segi pembaharuan bandar, pemuliharaan warisan dan sebagainya. Perkara ini telah dinyatakan dalam laman portal rasmi Jabatan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya berkaitan dengan bajet 2023 yang telah dibentangkan. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan pusat merupakan penyumbang terbesar untuk menyediakan peruntukan dana ke atas kerja pembaikkan dan penyelenggaraan bangunan bersejarah pada setiap tahun.

Berdasarkan hasil temubual bersama responden satu, beliau menyatakan bahawa, pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah juga berperanan dalam menyalurkan dana dan peruntukan untuk pelaksanaan kerja penyelenggaraan bangunan warisan setiap tahun. Hal ini telah dijelaskan oleh responden satu iaitu, '*....Kalau aspek pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan memang sepenuhnya di bawah penjagaan Jabatan Muzium Negeri Sabah....'* (Temu bual, 2 Ogos 2023). Menurut responden satu juga selaku pegawai yang bertugas menguruskan Rumah Agnes Keith daripada tahun 2017

sehingga ke hari ini, beliau berperanan dalam menjaga rumah tersebut dan melaporkan kepada pegawai di Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) sekiranya berlaku kerosakan untuk tindakan selanjutnya.

“Saya punya peranan sini, sudah tentulah erm apa bangunan ini merupakan bangunan bersejarah, saya dipertanggungjawabkan untuk memelihara dan memelihara rumah ini. Banyak aspek yang kami perlu jaga disini supaya ianya kekal dan sentiasa dalam keadaan yang baik”.

(R1, 2 Ogos, kajian lapangan 2023)

Selain itu, menurut responden satu juga, pengurusan yang dimaksudkan tersebut adalah merangkumi semua aspek. Sebagai contoh, segala kerosakan pada bangunan akan diuruskan oleh pihak Rumah Agnes termasuklah dari segi pengeluaran sumber dana untuk kerja-kerja penyelenggaraan, pelantikan kontraktor dan sebagainya. Pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah akan menjadi penyelia dan memberikan cadangan-cadangan pembaikan sebelum kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak pengurusan Rumah Agnes Keith. Justeru itu, dapat dilihat bahawa kerajaan pusat dan negeri dan juga pihak yang menjaga Rumah Agnes Keith tersebut dan sebagai peyumbang peruntukan dana untuk pelaksanaan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan.

4.4.2 Pemuliharaan dan Pemeliharaan bangunan Rumah Agnes Keith.

Berdasarkan maklumat yang telah diperolehi hasil daripada analisis dokumen dan temubual yang dilakukan, responden satu menyatakan bahawa pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah telah banyak membantu dalam menguruskan Rumah Agnes Keith.

Perkara ini termasuklah dari segi kerja penyelenggaraan dan sebagainya. Responden satu mempunyai peranan yang penting dalam menguruskan rumah tersebut dan sentiasa melaporkan kepada pihak jabatan sekiranya berlaku kerosakan yang perlu dibaikpulih dengan kadar yang segera.

“Saya akan melaporkan setiap kerosakan yang berlaku pada pihak atasan...sama ada ianya perlu dijalankan menerusi saya ataupun dipihak atas yang buat keputusan”.

(R1, 2 Ogos, kajian lapangan 2023)

Hal yang sama juga dinyatakan oleh responden dua selaku pegawai dan ketua bahagian Antikuiti dan Warisan di Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS). Beliau menyatakan bahawa, segala kerosakan yang telah dilaporkan oleh pegawai di Rumah Agnes Keith akan diuruskan dan dipantau dari masa ke masa oleh pihak muzium. Pihak Muzium Negeri Sabah akan dilantik sebagai penyelia projek. Pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) juga merupakan antara pihak berkepentingan yang terlibat dalam penjagaan Rumah Agnes Keith tersebut. Hal ini demikian kerana, pihak muzium berperanan dalam menjaga serta memantau tapak-tapak warisan di Negeri Sabah khasnya. Menurut beliau, terdapat lebih dua puluh tapak warisan yang berada dibawah selian dan jagaan JMNS termasuklah tapak Rumah Agnes Keith ini.



Foto 4.2 : Dokumen Projek Konservasi
Sumber : Kajian Lapangan (2023)

Perkara ini juga telah dinyatakan oleh responden dua dalam temu bual yang dilakukan.

“Erm memang dari segi pemuliharaan ini memang bahagian Antikuiti dan Warisan inilah yang bertanggungjawab dalam memantau keadaan tapak warisan. Dari masa ke masa kami akan sentiasa memantau tapak sama ada ancaman serangan kerosakan atau apa-apa yang menyeabkan kerosakan”.

(R2, 26 September, kajian lapangan 2023)

Bukan itu sahaja, apabila pegawai kurator yang bertugas di Rumah Agnes Keith telah melaporkan kerosakan yang berlaku pada bangunan kepada pihak muzium, pihak Jabatan Muzium Sabah (JMS) berperanan dalam mencadangkan rawatan pembaikan atau tindakan yang perlu dilakukan ke atas setiap kerosakan tersebut. Hal ini demikian kerana, konservator yang telah dilantik akan membuat keputusan dan mencadangkan tindakan pemuliharaan yang terbaik mengikut jenis kerosakan yang telah dikenalpasti. Selepas cadangan dan tindakan telah dirangka, proses seterusnya

adalah menjalankan kerja pemberian terhadap bangunan. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh responden dua iaitu, ‘.... *Tapi semua itu akan bermula di sinilah, cuma dorang Puan Safinah yang bertugas di sana akan laporkan kepada kami, dan kami akan lakukan atau cadangkan proses-proses atau apa-apa tindakan yang perlu dilakukan....*’ (Temu bual, 26 September, 2023). Oleh itu, pihak JMNS dan pihak pengurusan di cawangan Muzium Pantai Timur memainkan peranan yang penting dan perlu bekerjasama terhadap penjagaan rumah tersebut. Tambahan lagi, responden dua juga menyatakan bahawa sebelum kerja-kerja pemuliharaan dilaksanakan, mereka sentiasa merujuk kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP) untuk memastikan proses penyelenggaraan dilakukan mengikut garis panduan dan prinsip dalam pemuliharaan.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) juga telah memainkan peranan yang baik dalam pelaksanaan pemuliharaan dan juga kawasan Rumah Agnes Keith tersebut. Penglibatan MPS bukan hanya tertumpu kepada penjagaan persekitaran bangunan sahaja namun MPS juga bertanggungjawab dalam mempromosikan bangunan demi memberikan kepentingan terhadap keberlangsungan pemuliharaan bangunan. Hal ini demikian kerana, menurut responden, penjagaan di persekitaran bangunan juga penting agar dapat memperlihatkan kawasan tapak berada dalam keadaan yang baik dan memberikan keselesaan kepada pengunjung yang datang berkunjung ke rumah tersebut. Usaha ini merupakan salah satu pendekatan preventif yang boleh dilakukan dengan pengawalan dalam persekitaran. Perkara ini telah dijelaskan oleh responden tiga mengenai peranan PBT terhadap tapak warisan tersebut seperti berikut:

“Kami hanya cuma membantu dari segi penyediaan kemudahan tambahan dan menjaga kebersihan di persekitaran bangunanlah. Dari segi kebersihan, penambahbaikkan papan tanda, sama laluan pejalan kaki. Ada tiga aspek tu lah yang kami uruskan”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

Perkara ini juga disokong oleh responden satu dalam temu bual tersebut iaitu, ‘....Mereka ada juga buat pembersihan seperti potong-potong rumput, dan di persekitaran rumah ini’. (Temu bual, 2 Ogos, kajian lapangan 2023). Bukan itu sahaja, iaanya juga dapat mengelakkan daripada berlakunya kegiatan vandalisme ataupun ancaman daripada faktor alam semula jadi. Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2023) menyatakan bahawa, antara komponen penting kawasan warisan adalah persekitaran dan landskapnya untuk memperlihatkan lagi identiti dan tapak bersejarah. Perkara ini menunjukkan bahawa penjagaan di persekitaran bangunan warisan juga merupakan antara aspek yang perlu dititikberatkan dan selaras dengan pendekatan pemuliharaan yang telah dilaksanakan oleh PBT. Pihak Bekuasa Tempatan juga bertanggungjawab dalam membuat cadangan untuk memelihara atau meningkatkan kawasan pemuliharaan yang ditetapkan (Ar. Suzana Binti Amat, 2018).

Selain daripada pihak pengurusan, kakitangan ataupun pekerja yang berkerja di bangunan warisan tersebut juga mempunyai peranannya yang tersendiri dalam pemuliharaan bangunan. Individu-individu tersebut bertanggungjawab dalam memantau keadaan bangunan dari masa ke masa kerana mereka merupakan antara individu yang sentiasa berada dekat dengan bangunan tersebut. Menurut responden empat selaku kakitangan pekerja di Rumah Agnes Keith menyatakan bahawa, mereka juga mengambil peranan penting dalam memaklumkan kepada pihak pengurusan

sekiranya berlaku kerosakan. Selain itu, mereka juga turut membantu dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pembaikkan bangunan yang ditimpa kerosakan. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh responden tiga iaitu:

“Kami semua di sini sudah maklum dengan ketua kami. Sama ada kerosakan itu dari macam kayu tumbang, anai-anai terutamanya, kami akan membuat report terus kepada ketua kami iaitu Puan Safinah lah. Kami akan sentiasa berhubung sekiranya ada kerosakan dengan pengawal bawah. Misal kata ada anai-anai, dia akan bagitau saya, dan saya akan memaklumkan kepada Puan Safinah begitu”.

(R4, 15 Ogos, kajian lapangan 2023)

Bukan itu sahaja, sekiranya berlaku bencana alam yang menjelaskan struktur dan persekitaran bangunan, pihak kakitangan juga akan turut serta dalam melakukan kerja-kerja penyelenggaraan untuk membaiki semula kerosakan yang berlaku. Perkara ini telah dinyatakan oleh responden empat dalam sesi temu bual seperti berikut:

“Oh kami pernah tu, kejadian pokok tumbang dan terkena bahagian pantri. Hancur, Kami semua kakitangan muzium akan turun dan membersihkan apa yang telah berlaku. Termasuklah juga kawasan rumah. Kalau ada apa apa berlaku. Kami semua akan turun”.

(R4, 15 Ogos, kajian lapangan 2023)

Responden satu juga menjelaskan berkaitan dengan peranan kakitangan perkerja dalam menjaga bangunan warisan tersebut selain daripada pihak pengurusan. Menurut responden satu peranan kakitangan juga diperlukan dalam menjaga bangunan.

“Peranan kakitangan amat penting. Macam contoh, pengawal keselamatan yang bertugas, ataupun pembersih pejabat dan lain-lain... mereka bertanggungjawab dalam melaporkan kerosakan kepada saya untuk tindakan selanjutnya. Kita pun ada kita punya unit penyelenggaraan”.

(R1, 2 Ogos, kajian lapangan 2023)

Berdasarkan kenyataan tersebut, kakitangan pekerja sangat memainkan peranan yang penting dalam melaporkan setiap keadaan bangunan kepada pihak atasan sekiranya mengalami kerosakan serta memastikan bangunan warisan tersebut kekal terjaga dan sentiasa dalam keadaan yang baik. Selain itu, pelancong tempatan juga merupakan antara pihak berkepentingan yang terlibat secara tidak langsung dalam pemuliharaan bangunan warisan. Menurut responden kelima yang juga bertugas sebagai jururawat semasa ditemu bual, beliau menyatakan bahawa beliau sebagai pelancong tempatan berperanan dalam menyokong usaha yang melibatkan pemuliharaan bangunan warisan. Beliau berpendapat bahawa kunjungan daripada pelancong dapat meningkatkan kedatangan pelancong untuk melawat ke tempat tersebut. Hal ini demikian kerana, kebiasaanya pelancong akan berkongsi gambar, membuat blog dan menyebarkannya di media sosial menyebabkan tapak bersejarah ini telah menjadi antara tempat yang boleh dikunjungi di Sandakan.

“Pastu biasanya pelancong yang datang dari dalam dan luar negara biasanya akan berkongsi gambar-gambar. Macam saya, saya pelancong dalam negara. Jadi saya boleh buat blog, berkongsi gambar di media sosial saya lah”.

(R5, 11 September, kajian lapangan 2023)

Perkara tersebut juga merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh pelancong tempatan dalam mempromosikan lagi bangunan tersebut kepada masyarakat luar. Hal ini sekali gus dapat memberikan kepentingan kepada bangunan Rumah Agnes Keith agar pihak yang berkaitan terus menjaga dan melindungi rumah tersebut. Dalam temubual bersama responden keenam yang berkunjung ke Rumah Agnes Keith, beliau menyatakan bahawa beliau hanya dapat membantu dalam memberikan pendedahan kepada anak-anak muda tentang tempat-tempat bersejarah agar dapat membuka minda generasi anak muda hari ini untuk lebih kenal dengan bangunan-bangunan warisan.

Melalui pernyataaan yang diberikan oleh para responden, dapat disimpulkan bahawa masyarakat tempatan juga memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran kepada golongan anak muda dan setiap individu perlu bersama-sama melindungi bangunan warisan yang berada di negara kita secara amnya. Hal ini telah menunjukan bahawa penglibatan masyarakat telah dapat menjaga dan melindungi tapak bersejarah sekaligus menyebarkan kesedaran tentang pentingnya pemuliharaan bangunan warisan kepada masyarakat luar dan dalam. Bahkan ia juga membantu dari segi meningkatkan pendapatan ekonomi. Penglibatan masyarakat dalam pemuliharaan tapak warisan juga telah dinyatakan dalam Piagam Burra yang memberikan penekanan terhadap kepentingan penglibatan komuniti tersebut (Mohamed Som, Mohd Nasir, Wan Mohamad dan Saari, 2021).

4.4.3 Pewartaan

Pewartaan bangunan ini sebagai warisan ketara telah dibincangkan dan telah dicadangkan oleh pihak muzium dan juga pihak Majlis Perbandaran Sandakan. Berdasarkan temu bual bersama responden dua berkaitan dengan status pewartaan bangunan Rumah Agnes Keith ini, beliau menyatakan bahawa status rumah ini masih

berada di peringkat cadangan dan telah disenaraikan sebagai tapak warisan. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa pewartaan bangunan ini haruslah melalui dua peringkat iaitu pertama tapak warisan itu diwartakan atau disenaraikan oleh pengarah Jabatan Muzium Negeri Sabah, kemudian ia akan diusulkan kepada Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar untuk mendapatkan kelulusan status bangunan tersebut sebagai tapak warisan negeri. Perkara ini selaras dengan fungsi Pesuruhjaya Daftar Warisan yang akan mendaftarkan sesebuah bangunan bersejarah sebagai tapak warisan setelah ianya diluluskan atau diishtiharkan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan sebagai warisan. Tambahan lagi, sebelum pewartaan dilaksanakan, ianya harus melalui beberapa proses tertentu yang dimulai dengan menghantar permohonan, pengenalpastian tapak warisan, pengesahan pemilikan dan sebagainya. Perkara-perkara ini akan dilihat dan diteliti terlebih dahulu sebelum sesebuah tapak diangkat sebagai tapak warisan. Hal ini turut dinyatakan dalam Akta 645. Responden tiga juga turut menyatakan berkaitan dengan pewartaan bangunan ini.

“Fungsi di bawah jabatan pelancongan juga adalah salah satu memartabatkan pemuliharaan bangunan warisan di Sandakan. So means nya secara tidak langsung sebarang pewartaan bangunan-bangunan warisan di sandakan aah pihak pbt pun akan terlibat”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

Manakala menurut responden tiga berkenaan dengan pewartaan bangunan ini sebagai tapak warisan, beliau menyatakan bahawa mereka juga telah berusaha dan Jabatan Pelancongan Sandakan telah mencadangkan bangunan Rumah Agnes Keith ini sebagai tapak warisan. Justeru itu, pihak berkuasa tempatan dan pihak jabatan

kerajaan negeri serta pihak menteri berkuasa dalam mencadangkan dan mengiktiraf warisan yang belum diiktiraf sebagai tapak warisan negara.

4.4.4 Pelancongan

Selain itu, dalam aspek pelancongan, ia juga memerlukan peranan daripada pihak-pihak berkepentingan tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan peranan mereka dalam memajukan sektor pelancongan di Sandakan dan pihak tersebut berkuasa penuh di dalam daerah. Bangunan Rumah Agnes Keith ini merupakan antara tapak warisan yang diperkenalkan oleh Majlis Perbandaran Sandakan dalam program tersebut. Hasil dapatan daripada temubual yang dijalankan, responden satu menyatakan bahawa MPS telah merangka satu pelan pelancongan yang memfokuskan kepada Rumah Agnes Keith sahaja sebagai salah satu destinasi pelancongan di Sandakan.

“Dan dalam perancangan sebab dalam pelan tindakan strategik pelancongan pun akan ada mengiktirafkan tapak bangunan-bangunan warisan di Sandakan sebagai warisan benda”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

MPS juga telah membangunkan satu produk pelancongan yang digelar sebagai Jelajah Sandakan sejak tahun 2019 lagi dan sehingga ke hari ini. Tujuan penubuhan Jelajah Sandakan ini adalah untuk menarik minat pelancong untuk melawat ke tempat-tempat bersejarah di Sandakan dan Rumah Agnes Keith ini merupakan bangunan bersejarah yang wajib dilawati kerana ianya berada dalam laluan Jejak Warisan Sandakan. Menurut responden tiga, kesan daripada penubuhan Jelajah Sandakan, statistik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara semakin

meningkat. Tambahan lagi, setiap tahun daerah Sandakan akan menerima kunjungan dan lawatan rasmi daripada pelancong dari negara *Australia* dan *United Kindom* iaitu pada bulan April dan Ogos melalui program *ANZAC Day* (Australia and New Zealand Army Corps) dan *Sandakan Day*, pihak MPS akan mencadangkan Rumah Agnes Keith untuk dilawati.



Rajah 4.2 : *ANZAC Day*
Sumber : *Page Sandakan Day Memorial*



Foto 4.3 : Lawatan *ANZAC Day*
Sumber : *Facebook Jelajah Sandakan*



Foto 4.4 : Lawatan *ANZAC Day*
Sumber : *Facebook Jelajah Sandakan*

Program *ANZAC Day* merupakan hari peringatan bersempena dengan peristiwa Perang Dunia Pertama yang diraikan pada 25 April setiap tahun. Disebabkan itu, Rumah Agnes Keith ini telah menjadi tempat utama untuk dilawati di Sandakan dan kebanyakannya pengunjungnya adalah daripada pelancong luar negara. Perkara tersebut merupakan antara usaha-usaha yang masih diteruskan oleh pihak MPS dan sekaligus dapat menjamin keberlangsungan penjagaan bangunan Rumah Agnes Keith. Hal ini demikian kerana, dengan adanya kunjungan-kunjungan daripada negara-negara tersebut, bangunan ini akan terus kekal dijaga dan dilindungi. Berdasarkan laman web rasmi Ketua Menteri Sabah telah menyatakan bahawa sejak bulan Januari hingga Jun 2023, seramai 56,794 yang melibatkan pelancong domestik seramai 28,501 orang dan 28,293 pelancong daripada antarabangsa yang berkunjung ke pusat tersebut.



Foto 4.5 : Deraf Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan Daerah Sandakan.
Sumber : Kajian Lapangan (2023)

Selain daripada pihak MPS, pihak badan bukan kerajaan (*Non Government Organisation*) iaitu pihak Jejak Warisan Sandakan dan *Sandakan Tourism* juga pihak yang terlibat dan aktif dalam mempromosikan bangunan warisan ini sebagai salah satu destinasi pelancongan di Sandakan. Menerusi kenyataan yang diberikan oleh pihak Jejak Warisan Sandakan mengatakan bahawa, organisasi Jejak Warisan Sandakan ini adalah badan sukarelawan yang telah ditubuhkan pada tahun 2003 oleh Encik Lai King Hang dan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Sandakan, Pelancongan Sabah dan *Tourism Malaysia*. Organisasi ini menggalakkan pemahaman sejarah sahaja dan aktif dalam memberikan kesedaran kepada generasi muda. Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Jejak Warisan Sandakan dan sumbangan yang terbesar adalah mewujudkan *Sandakan Heritage Trails* yang melibatkan sepuluh tapak warisan utama yang wajib dilawati dan antaranya adalah Rumah Agnes Keith.





Foto 4.6 : Program mempromosikan Jejak Warisan Sandakan
Sumber : Facebook rasmi *Sandakan Heritage Trails*



Rajah 4.4 : Peta Jejak Warisan Sandakan.
Sumber : Facebook *Sandakan Heritage Trails*



Rajah 4.3 : Peranan pihak berkepentingan

Sumber : Kajian Lapangan 2024

4.5 Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan yang telah dilaksanakan.

4.5.1 Penyelenggaraan Bangunan

Dalam usaha mengekalkan struktur dan keindahan bangunan warisan ini, beberapa usaha pemuliharaan dan pemeliharaan yang telah dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan sehingga ke hari ini. Kerja pemuliharaan tersebut merangkumi bahagian penyelenggaraan bangunan, penjagaan di sekitar tapak bangunan dan sebagainya merupakan antara usaha yang telah dilakukan.



Foto 4.7 : Kerja-kerja Konservasi bangunan
Sumber : Kajian Lapangan (2023)

Berdasarkan analisis dokumen yang dilakukan, pada tahun 2001, proses pemuliharaan bangunan ini diuruskan oleh Lada Enterprise dan perunding bagi projek ini adalah *PC Chartered Architect*. Projek ini juga ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan dibantu oleh Muzium Sabah sebagai koordinator projek. Projek pemuliharaan ini merangkumi pemuliharaan dan pemeliharaan landskap, penyediaan tandas awam, membaiki jalan, pembinaan tembok penghadang di bahagian belakang dan depan serta menyempurnakan hiasan dalam rumah ini yang dikendalikan oleh Raya Mentari Sdn Bhd pada 14 Disember 2002 dan siap sepenuhnya pada 7 Mac 2003.




Foto 4.8: Dokumen kerja konservasi bangunan Rumah Agnes Keith.
Sumber : Kajian Lapangan (2023)




Foto 4.9: Dokumen kerja konservasi bangunan Rumah Agnes Keith.
Sumber : Kajian Lapangan (2023)

Selain itu, seperti yang telah dinyatakan oleh responden, Menurut responden satu, usaha pemuliharaan yang telah dilakukan adalah dengan melakukan penyelenggaraan setiap tahun mengikut kerosakan yang berlaku. Tambahan lagi, responden menyatakan bahawa, bangunan rumah ini terdiri daripada bahan binaan kayu yang menyebabkan ancaman serangan anai-anai akan berlaku secara berterusan dan sentiasa berlaku. Perkara ini telah dinyatakan oleh responden satu seperti berikut:

“Jadi kami disini dalam setahun akan ada 3 ke 4 kali akan diserang.

So apa kami buat, kami akan lantik syarikat luar untuk melakukan kerja pembaikan dan penyelenggaraan untuk merawat dan mematikan anai-anai”.

(R1, 3 Ogos, Kajian Lapangan 2023)

Justeru itu, kerja penyelenggaraan akan dilakukan dari masa ke masa. Penyelenggaraan yang dilakukan akan mengikut rupa asal rumah tersebut dengan mengekalkan keaslian rekabentuk rumah Agnes Keith. Berikut merupakan antara usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan Rumah Agnes Keith terhadap bangunan tersebut.

Manakala menurut responden empat selaku kakitangan yang bertugas di rumah tersebut, usaha pemuliharaan yang telah dilakukan oleh mereka adalah dengan bersama-sama dalam melakukan kerja pembersihan, penyelenggaraan bangunan dan sebagainya. Mereka secara tidak langsung terlibat dalam melakukan kerja pembaikan semula dan pembersihan secara menyeluruh terhadap bangunan setiap tahun iaitu pada setiap hujung tahun.

“Pembersihan di sini bukan setiap hari, tapi pembersihan secara menyeluruh. Kami akan melapkan dinding luar dan dalam. Di mana ada bentuk macam lumut kami akan hakis dan cuci”.

(R4, 15 Ogos, Kajian Lapangan 2023)

Di samping itu, sekiranya terdapat penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium sendiri atau dianjurkan oleh pihak luar, mereka juga akan melakukan pembersihan sebulan sebelum program atau aktiviti itu berlangsung.

Pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah juga telah melaksanakan pelbagai usaha pemuliharaan dari semasa ke semasa mengikut kepada keadaan bangunan rumah tersebut. Responden satu dan responden tiga juga turut menyatakan hal yang sama di mana pihak muzium banyak membantu dalam pengurusan pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh responden dua dalam temubual tersebut, pihak muzium telah melakukan beberapa rawatan untuk mencegah kerosakan seperti rawatan kawalan pencegahan serangan anai-anai yang dilakukan setiap tahun dan dipantau dari masa ke masa.

“Jadi masa ke masa kami akan buat perbaikan jugalah dari segi, erm baru-baru ini pun kami ada buat kawalan anai-anai erm sebab disekitar ia tu kan banyak kayukan, jadi ia sentiasa terdedah dengan anai-anai. Jadi memang kami buat kawalan, buat treatment untuk mencegah daripada diserang anai-anai”.

(R2, 26 September, Kajian Lapangan 2023)

Selain itu, responden dua juga menjelaskan bahawa pihak Muzium Negeri Sabah telah menjalankan *major restoration* pada tahun 2001 dan siap pada tahun 2003. Setiap kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan yang berskala besar akan direkodkan dalam simpanan data untuk rujukan pihak muzium dan pihak pengurusan. Hanya *major restoration* sahaja yang direkodkan manakala kerja pemuliharaan yang berskala kecil tidak direkodkan.




Foto 4.10 : Dokumen Projek Konservasi Rumah Agnes Keith Sandakan.

Sumber : Kajian Lapangan (2023)

Pihak Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) juga giat menjalankan usaha pemuliharaan bangunan tersebut. Dalam temubual bersama responden tiga, beliau telah menjelaskan tentang beberapa usaha yang dilakukan adalah lebih menumpukan kepada penjagaan di persekitaran bangunan tersebut. Hal ini bagi memastikan keadaan persekitaran bangunan kekal terjaga dan selamat untuk dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negara. Tambahan lagi, pihak MPS akan melantik orang ketiga untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dengan dipantau oleh pihak MPS sendiri. Selain itu, PBT juga akan memantau dan memastikan kerja-kerja pembersihan

dijalankan dengan baik dan mengantikan mana-mana kemudahan yang telah rosak seperti lampu di laluan pejalan kaki dan sebagainya.

4.5.2 Mempromosikan Bangunan Bersejarah

Mempromosikan bangunan bersejarah Rumah Agnes Keith juga merupakan antara perkara yang perlu diteruskan setiap tahun. Berdasarkan kepada jawapan daripada responden, terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam usaha mempromosikan bangunan tersebut sebagai salah sebuah tapak pelancongan di Sandakan khasnya. Menurut responden satu, pihak mereka telah melaksanakan pelbagai usaha mempromosikan bangunan ini kepada masyarakat luar. Antaranya, mereka telah mengadakan beberapa pameran khas yang berkaitan dengan sejarah tapak warisan tersebut. Pihak Muzium Negeri Sabah juga giat mempromosikan Rumah Agnes Keith dan telah mengadakan sambutan ulangtahun pembukaan Rumah Agnes Keith pada 26 April pada setiap tahun. Pelbagai aktiviti yang dilaksanakan dengan melibatkan masyarakat luar dan murid sekolah untuk melibatkan diri dalam program tersebut.



Foto 4.11 : Kalender Program Muzium Negeri Sabah
Sumber : Laman Web Rasmi Muzium Negeri Sabah

Selain itu, pihak Muzium Cawangan Pantai Timur juga akan sentiasa menerima kunjungan daripada pihak luar dan dalam negara itu sendiri. Tambahan lagi, pihak muzium juga telah menganjurkan beberapa program sebagai contoh program Hari Agnes Keith yang diadakan setiap tahun iaitu pada tanggal 6 Julai dengan menjemput pelajar-pelajar sekolah dan orang awam untuk serta dalam program tersebut. Hal ini juga merupakan antara usaha pemuliharaan yang harus diteruskan agar dapat meningkatkan pengetahuan sejarah generasi muda pada hari ini.



Foto 4.12 : Sambutan Hari Agnes Keith 2023 bersama pelajar dan dirasmikan oleh pengarah Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Sumber: Internet

Menurut responden dua, selain daripada melaksanakan kerja restorasi bangunan, pihak muzium juga melaksanakan program mempromosikan bangunan tersebut sebagai tapak warisan di Sandakan. Responden dua menjelaskan bahawa, Rumah Agnes Keith ini pernah menjadi lokasi pelancongan pilihan pertama di Sandakan dan pernah mendapat anugerah sebanyak dua kali daripada Kementerian Pelancongan.

Jadi apa usaha kami, kami cuba promosikan tapak tersebut sebagai tapak pelancongan selain daripada maintan bangunan itu dan buat konservasi dan

memelihara dia punya bangunan dan lepas itu dipromosikan sebagai tempat pelancongan. Itu yang sedang dibuat lah.

(R2, 26 September, Kajian Lapangan 2023)

Pihak Muzium Cawangan Pantai Timur juga telah menyediakan dan mengadakan pameran di dalam bangunan tersebut untuk menghidupkan kembali zaman sejarahnya. Tambahan lagi, pihak muzium masih mengekalkan keadaan dekorasi dan hiasan asal dalam rumah tersebut.

Responden tiga juga telah menyatakan bahawa pihak Majlis Perbandaran Sandakan juga giat mempromosikan bangunan Rumah Agnes Keith ini dan antaranya adalah melalui program Festival Sandakan yang diadakan setiap tahun. Antara pengisiannya adalah dengan menjemput pihak pengurusan Rumah Agnes Keith untuk membuat satu pameran yang berkaitan dengan Rumah Agnes Keith. Selain itu, aktiviti *Plogging Kembara Warisan* juga adalah salah satu aktiviti yang dilakukan secara besar-besaran yang melibatkan sepuluh tapak warisan di Sandakan termasuklah Rumah Agnes Keith ini. Hal ini merupakan antara indikator yang telah dilakukan untuk mempromosikan lagi rumah Agnes Keith tersebut. Kerjasama Jabatan Pelancongan, MPS, NGO dan lain-lain memberikan kepentingan kepada pemuliharaan rumah dengan berfokuskan kepada mempromosikan tapak warisan tersebut agar ianya lebih dikenali. Dengan usaha tersebut, kerajaan akan terus memulihara bangunan warisan untuk aktiviti pelancongan.



Foto 4.13 : Festival Sandakan 2023
Sumber : Facebook Jelajah Sandakan



Foto 4.14: Pameran program Jelajah Sandakan
Sumber: Facebook Jelajah Sandakan 2023




Foto 4.15: Program Plogging Kembara Warisan
Sumber: *Facebook* Jelajah Sandakan 2023

Berdasarkan analisis dokumen yang telah dilakukan, pihak berkepentingan yang merujuk kepada pihak muzium dan pihak *NGO* telah bekerjasama dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan Rumah Agnes Keith yang meliputi keadaan bangunan, keadaan dipersekitaranya dan juga dalaman rumah tersebut semasa kerja-kerja pemuliharaan bangunan ini dilaksanakan pada tahun 2001. Namun, pada hari ini, penglibatan daripada pihak *NGO* lebih tertumpu kepada mempromosikan bangunan bersejarah sahaja. Sebagai contoh, pihak *NGO* giat mempromosikan Jejak Warisan Sandakan sebagai salah satu program pelancongan yang wajib dilakukan oleh pengunjung kerana ianya melibatkan lawatan terhadap 10 tapak warisan di Sandakan dan antara salah satu destinasinya adalah Rumah Agnes Keith.

Menurut responden lima selaku pelancong tempatan, beliau menyatakan dalam temubual tersebut bahawa beliau akan sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan terutamanya dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan Rumah Agnes Keith. Beliau berpendapat bahawa, dengan adanya kunjungan daripada pelancong luar, hasil daripada pembayaran tiket tersebut dapat digunakan untuk aktiviti penyelenggaraan bangunan. Bukan itu sahaja, ia sekaligus dapat mempromosikan bangunan Rumah Agnes Keith melalui perkongsian gambar dan video yang dimuat naik ke media sosial. Orang awam dan masyarakat mampu memberikan pengaruh yang positif terhadap usaha pemuliharaan bangunan warisan.

Pihak masyarakat adalah pihak yang penting dan merupakan tulang belakang yang membantu pihak-pihak berkepentingan yang lain. Justeru itu, mereka juga merupakan pihak berkepentingan secara tidak langsung keatas pemuliharaan bangunan warisan.

Berdasarkan hasil temubual tersebut terhadap beberapa responden yang berbeza, penglibatan pihak pengurusan Rumah Agnes Keith, MPS, JMNS, serta NGO antara pihak yang telah memberikan banyak sumbangan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith tersebut.

4.6 Menyiasat Isu dan Cabaran daripada setiap pihak berkepentingan dalam pengurusan pemuliharaan Rumah Agnes Keith.

Hasil penyiasatan yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap pihak berkepentingan tersebut. Isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan adalah berbeza-beza, namun terdapat juga persamaan yang berlaku. Antara persamaan yang berlaku adalah dari aspek isu kewangan yang dihadapi oleh pihak pengurusan Cawangan Pantai Timur, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak Muzium Negeri Sabah itu sendiri. Isu dan cabaran sememangnya perkara yang tidak asing lagi berlaku dalam kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan secara amnya. Sebagai contoh, isu kewangan, kekurangan tenaga pakar serta disusuli dengan cabaran seperti kurang kesedaran dan kefamahan daripada masyarakat, ancaman pencerobohan, bencana alam dan sebagainya. Perkara seperti ini tidak dapat dielakkan daripada berlaku, namun ianya boleh diatasi dengan melakukan tindakan yang rasional agar tidak menjadi penghalang dalam mencapai objektif yang telah dibentuk. Hal ini kerana, perkara tersebut akan menjadi salah satu penghalang dalam kerja-kerja penjagaan dan perlindungan bangunan warisan berlangsung

sekiranya ianya tidak diambil tindakan yang sewajarnya. Berikut merupakan antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.

4.6.1 Pihak Pengurusan (Cawangan Pantai Timur)

Isu dan cabaran yang dihadapi daripada pihak pengurusan melibatkan beberapa aspek tertentu. Menurut responden satu dalam temubual tersebut, isu peruntukan dana dan sumber kewangan merupakan salah satu isu yang utama. Hal ini kerana, menurut beliau, sekiranya kerja penyelenggaraan ingin dilaksanakan, mereka perlu menunggu peruntukan dari pihak atasan untuk melakukan kerja penyelenggaraan tersebut. Hal ini telah dinyatakan oleh responden satu seperti berikut:

a) Dana Kewangan

“Salah satunya adalah dari segi kewangan. Kewangan adalah faktor terbesar. Kadang-kadang kita di bawah kerajaan negeri ini peruntukan itu bukan banyak kita dapat. Sebab bukan satu organisasi juga mahu dijaga. Ada banyak. Kalau macam di bawah muzium ini, bukan satu bangunan bersejarah seja kita mau jaga. Kita memang ada bangunan di seluruh Sabah. So peruntukan itu berbahagi-bahagi lah”.

(R1, 2 Ogos, kajian lapangan 2023)

Menurut responden juga, setakat ini mereka hanya menerima peruntukan daripada pihak kerajaan sahaja dan bantuan daripada *NGO* masih berada di tahap yang tidak memuaskan.

b) Serangan makhluk perosak

Serangan daripada agen perosakan yang merujuk kepada serangan makhluk perosakan seperti anai-anai juga merupakan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan. Menurut responden 1 iaitu, ‘*serangan daripada makhluk perosakan iaitu serangan anai-anai memang sentiasa akan berlaku disebabkan oleh bahan binaan rumah ini adalah berasaskan kayu. Jadi kami disini dalam setahun akan ada 3 ke 4 kali akan diserang.*’ (Temu bual, 2 Ogos, kajian lapangan 2023). Cabaran ini tidak boleh dielakkan lagi kerana keseluruhan elemen dan struktur bangunan tersebut dibina menggunakan kayu.

c) Bencana alam

Keadaan persekitaran Rumah Agnes Keith yang dikelilingi hutan telah mengundang kepada ancaman berlakunya bencana alam. Terdapat pelbagai tumbuhan dan pokok-pokok yang bersaiz besar di sekeliling bangunan yang berpotensi kepada ancaman pokok tumbang. Menurut responden satu, ‘*Yang ketiga adalah bencana alam. Macam yang kita boleh lihat rumah ini dikelilingi oleh hutan. So bila berlaku musim tengkujuh, apa yang kami risaukan adalah pokok tumbang.*’ (Temu bual, 2 Ogos, kajian lapangan 2023). Hal ini menunjukan bahawa faktor luaran juga menjadi antara cabaran bagi pihak berkepentingan dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan tersebut.

d) Kurang Bahan Ganti

Responden empat menyatakan bahawa isu kekurangan bahan ganti merupakan antara isu dan cabaran yang dihadapi dalam pemuliharaan bangunan tersebut.

Menurut responden empat, ‘Contohnya, atap tu diperbuat daripada belian. Jadi bila berlaku kayu tuumbang, atau ranting jatuh atas tu dan menyebabkan berlubang, itu akan mengambil masa yang lama untuk dibaik pulih’.(Temu bual, 3 Oktober, kajian lapangan, 2023). Mengikut pernyataan tersebut, responden berpendapat bahawa kayu belian merupakan kayu yang sukar untuk didapatkan pada masa kini dan pembuatan atap menggunakan kayu belian sudah tidak dilaksanakan lagi. Disebabkan itu, ia telah menjadi cabaran dalam pemuliharaan bangunan dari aspek kesukaran dalam mendapatkan bahan ganti yang sama dengan bahan yang asal.

Manakala menurut responden dua berkaitan dengan bahan ganti adalah dimana beliau menjelaskan bahawa bahan ganti seperti kayu belian yang asli sememangnya sukar didapatkan zaman kini. Hal ini demikian kerana, kualiti yang terdapat pada kayu asli adalah berbeza dengan kayu yang lain dan untuk mendapatkan kayu yang sama itu agak sukar untuk didapatkan. Namun, alternatif lain yang digunakan adalah dengan mencari kayu yang hampir sama dengan kayu yang asal. Meskipun kayu yang digunakan untuk mengantikan jenis kayu asli yang mengalami kerosakan bukan daripada kayu yang sama, namun masih banyak pembekal kayu yang boleh dirujuk untuk mendapatkan jenis kayu dan saiz serta kualiti kayu yang baik untuk mengantikan kayu yang rosak.

e) Ancaman pencerobohan

Selain itu, ancaman pencerobohan juga antara cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan. Menurut responden satu, mereka juga menghadapi cabaran daripada orang luar yang cuba untuk masuk ke dalam Rumah Agnes Keith untuk menceroboh dan melakukan perkara-perkara yang boleh mengundang kepada

aktiviti kecurian, vandalisme dan sebagainya.

4.6.2 Pelancong Tempatan

a) Kurang pemahaman dan kesedaran

Menurut responden lima bekaitan dengan cabaran yang dihadapi. Beliau menyatakan bahawa, cabaran yang dihadapi adalah dari segi kurang pemahaman dan kesedaran dalam pemuliharaan bangunan bersejarah dan cabaran dalam mendidik generasi muda untuk mendalamai serta memahami sesebuah sejarah.

Menurut responden lima,... ‘*Kalau dari segi cabaran ni, saya kurang berpengalaman lah, sebab saya tugasnya jururawat. Jadi agak sukar lah untuk saya mengulas lanjut tentang apa tentang perkara tersebut*’. (Temu bual, 11 September, kajian lapangan 2023). Tambahan lagi menurut beliau, pada zaman sekarang agak sukar untuk tarik minat golongan muda untuk mendekati ke tempat-tempat bangunan bersejarah ini.

4.6.3 Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Sandakan)

a) Peruntukan kewangan

Responden satu, dua dan tiga menyatakan perkara yang sama iaitu sumber kewangan merupakan antara isu terbesar yang dihadapi oleh pihak mereka. Bagi pihak Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) juga turut menyatakan hal yang sama semasa di temubual. Responden tiga menyatakan bahawa untuk membaiki sesebuah bangunan bersejarah yang mengalami kerosakan atau bangunan yang perlu ditambahbaik memerlukan kos peruntukan yang tinggi untuk membeli peralatan bahan ganti, upah pekerja dan sebagainya.

“Dan kami mengambil masa yang agak lama untuk rebranding kan balik, sebab kami menunggu peruntukan kewangan untuk membaiki bangunan tersebut. So memang di main isu is sumber kewangan”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

b) Tidak mempunyai satu unit penyelidikan khas bagi bangunan bersejarah.

Selain itu, isu yang menjadi salah satu kekangan kepada pihak MPS terhadap pemeliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith ini adalah MPS tidak mempunyai satu unit khas yang melaksanakan kerja-kerja penyelidikan bagi bangunan-bangunan bersejarah di Sandakan. Hal ini telah menimbulkan kesukaran dan cabaran dalam memantau dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan secara berfokus kerana ianya tiada satu unit tindakan khas yang hanya memantau bangunan-bangunan warisan di Sandakan sahaja. Justeru itu, satu unit penyelidikan khas perlu diwujudkan di Jabatan MPS untuk memastikan bangunan bersejarah di Sandakan akan sentiasa berada dalam pantauan.

“Kalau dari pihak dalaman, benda tu memerlukan satu penyelidikan khas, dan untuk makluman di jabatan saya tidak ada satu unit khas yang membuat penyelidikan bagi bangunan-bangunan ini. Tapi kekangannya, di sandakan kami tiada sesuatu yang speacelist untuk itu. Kami perlu bawa orang luar. Contohnya, dari uthm nda silap saya, atau dari universiti lain untuk bersama-sama membangunkan kertas kerja yang sesuai”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

c) Pihak konsensi tidak melakukan pembersihan secara menyeluruh.

Dari segi cabaran, pihak mps menghadapi cabaran terhadap pihak ketiga yang merupakan pihak konsensi yang ditugaskan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan di sekitar bangunan Rumah Agnes Keith tersebut. Beliau menyatakan bahawa, pihak MPS perlu sentiasa memantau kerja-kerja pembersihan tersebut untuk mengelakan daripada pembersihan tidak dilakukan sepenuhnya dan masih berada dalam keadaan yang tidak bersih.

“Tetapi ada beberapa isu dan kekangan yang mana dari pihak konsensi apabila tidak dipantau ia mudah tidak dibersihkan secara totallah. So pihak majlis akan sentiasa memantau secara berkala”.

(R3, 3 Oktober, kajian lapangan 2023)

d) Peralatan pembersihan kurang

Dari segi peralatan pembersihan, menurut responden tiga, peralatan pembersihan seperti penyapu dan sebagainya agak kurang dan perlu ditambah. Selain itu, keperluan kemudahan lain seperti lampu di laluan pejalan kaki iaitu di tangga seribu juga perlu ditambah untuk mengelakkan perjalanan di sepanjang laluan Jejak Warisan Sandakan pada waktu malam tidak terganggu. Kemudahan seperti ini termasuk dalam kerja pemuliharaan melalui penyediaan kemudahan dan persekitaranya.

4.6.4 Jabatan Muzium Negeri Sabah**a) Kurang kesedaran masyarakat.**

Menurut responden dua selaku Kurator di bahagian Muzium Antikuiti dan Warisan di Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMSN), melalui temu bual tersebut,

pihak mereka tidak menghadapi banyak isu hanya isu luaran sahaja iaitu viral. Menurut responden dua, isu dalaman mereka boleh uruskan dan selesaikan bersama-sama dengan kerjasama daripada semua pihak di jabatan namun isu luaran seperti isu ‘viral’ tersebut agak sukar untuk dikawal. Hal ini demikian kerana, isu tersebut sukar dikawal kerana ianya wujud daripada sikap masyarakat itu sendiri yang hanya memandang dengan sudut pandangan mata dan fikiran mereka sahaja. Menurut responden, mengulas tentang kejadian viral yang baharu sahaja berlaku iaitu dimana terdapat beberapa bahagian bangunan Muzium Sabah yang rosak dan hampir runtuh telah ditularkan di media sosial menyebabkan pihak jabatan muzium mendapat kecaman dengan pelbagai tomahan yang dilemparkan oleh masyarakat kepada pihak pengurusan. Hal ini boleh memberikan kesan negatif terhadap pandangan masyarakat luar terhadap pihak jabatan muzium.

“Erm isu luaran viral lah. Kadang kami terlambat buat kerja konservasi, orang nampak deluan kena viral. Sekarang ini cepat betul beredar maklumat. Sebelum kami buat treatment sudah viralalah. Itu antara cabaran luaran lah”.

(R2, 26 September, kajian lapangan, 2023)

Berdasarkan kenyataan tersebut, masyarakat hari ini masih kurang kesedaran dan masih kurang faham berkenaan dengan prosedur-prosedur yang perlu diikuti sekiranya ingin melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan lebih-lebih lagi pemuliharaan terhadap bangunan bersejarah. Seperti yang kita sedia maklum, setiap kerja penyelenggaraan bangunan sememangnya mengambil satu tempoh

masa untuk dibaiki dan ianya memerlukan satu penelitian yang terperinci sebelum melaksanakannya.

Cabarannya seterusnya adalah kurang kesedaran daripada masyarakat dari segi sikap masyarakat yang kurang dalam memberi bantuan dari segi kewangan. Menurut responden 2, dari segi sokongan moral, masyarakat tempatan sama ada dalam dan luar negara sangat memberikan sokongan terhadap usaha-usaha pemuliharaan. Namun hanya kurang sokongan dari segi bantuan kewangan berbanding dengan orang luar negara terutamanya para pelancong yang datang melancong ke tempat bersejarah tersebut. Orang luar negara lebih menghargai harta warisan sehingga mereka lebih bermurah hati untuk menderma agar kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dilakukan ke atas harta warisan yang mengalami kerosakan. Hal ini demikian kerana, mereka beranggapan bahawa harta warisan itu sangat bermakna untuk dipelihara.

“Apa yang saya nampak orang tempatan ini kurang memberi untuk kerja-kerja konservasi ini. Kalau orang luar negara dia sangat bermurah hati kalau dia nampak benda-benda yang perlu dipulihara itu dia sangat bermurah hati untuk menderma’.

(R2, 26 September, kajian lapangan 2023).

b) Pelan pengurusan penyelenggaraan jangka panjang belum diwujudkan.

Selain itu, isu lain adalah dimana pihak JMNS masih belum mewujudkan atau merangka satu pelan penyelenggaraan yang berfokuskan kepada penjagaan bangunan Rumah Agnes Keith tersebut untuk jangka masa panjang. Pihak JMNS hanya mempunyai pelan penyelenggaraan yang umum sahaja yang disediakan

oleh pihak Jabatan Warisan Negara namun masih boleh diguna pakai terhadap kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan. Justeru itu, beliau menyatakan bahawa, pihak JMNS perlu merangka satu pelan tindakan khususnya tertumpu kepada bangunan warisan tersebut agar ianya boleh diguna pakai dalam jangka masa yang panjang.

“Sebenarnya kami belum buat satu pelan tindakan penyelenggaraan yang spesifik, cuma kami dari semasa ke semasa kami akan buat pemantauan lah untuk buat konservasi. Cuma belum ada pelan pemuliharaan yang spesifik lah khas untuk rumah ini lah”.

(R2, 26 September, kajian lapangan, 2023)

c) Sumber Kewangan

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh pihak JMNS adalah kewangan. Hal ini dikatakan kerana, menurut responden dua, pemuliharaan tapak warisan sememangnya memerlukan kewangan yang besar. Hal ini demikian kerana, kerja penyelenggaraan untuk setiap kerosakan pada bangunan memerlukan kos yang tinggi untuk menampung perbelanjaan yang merangkumi kos upah bayaran pekerja, kontraktor, bahan ganti dan kos-kos tambahan yang lain. Beliau juga menyatakan bahawa pihak JMNS juga kurang mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan tersebut sekiranya kos penyelenggaraan bangunan yang mengalami kerosakan teruk memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Tambahan lagi, pihak JMNS bukan hanya menjaga bangunan warisan Rumah Agnes Keith sahaja, namun terdapat lebih 15 bangunan yang perlu di pantau dan diselenggara.

d) Kekurangan tenaga pakar

Beliau turut menyatakan beberapa cabaran yang dihadapi dalam memulihara bangunan warisan adalah cabaran dari segi kekurangan tenaga pakar dan kakitangan. Menurut responden 2,... ‘*Kita tidak banyak kepakaran terutamanya dalam konservasi bangunan dan konservasi tapak-tapak warisan inilah*’. (R2, 26 September, kajian lapangan 2023). Kekurangan tenaga pakar dan kakitangan terlatih dalam bidang konservasi menyebabkan proses pembaikan dan pemuliharaan bangunan berjalan secara perlahan kerana proses-proses pengenal pastian punca kerosakan, cadangan rawatan yang bersesuai, bahan ganti yang sesuai digunakan dan sebagainya memerlukan penelitian yang cekap sebelum melaksanakan kerja pemuliharaan tersebut.

4.6.5 Masyarakat

a) Keasyikan Dalam Penggunaan Teknologi.

Responden lima juga turut menyatakan pendapat beliau berkaitan dengan cabaran dalam pengurusan bangunan bersejarah dalam temubual tersebut. Beliau menyatakan bahawa, antara cabaran yang dihadapi adalah beliau sendiri kurang pemahaman berkaitan dengan kerja-kerja konservasi bangunan bersejarah. Selain itu, beliau berpendapat bahawa generasi muda hari ini kurang gemar untuk melibatkan diri untuk melawat ke tempat-tempat bersejarah tersebut kerana mereka lebih tertarik terhadap penggunaan gajet untuk bermain permainan atas talian, tarikan media sosial dan sebagainya. Tambahan lagi, sekiranya pendedahan dan pemahaman terhadap warisan difahami oleh golongan muda dan generasi hari ini, mereka akan lebih mudah untuk memberi sumbangan dan akan mengaplikasikan kefahaman tersebut dalam warisan. Disebabkan perkara tersebut,

ia telah menjadi salah satu cabaran dalam mendidik generasi muda untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan dan pendedahan terhadap kepentingan pemahaman terhadap pelestarian warisan budaya yang ada di negara kita.

4.7 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini telah menerangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Ketiga-tiga objektif dalam kajian ini dapat dirungkai hasil daripada temubual yang dijalankan keatas beberapa responden secara bersemuka. Selain itu, pemerhatian dan analisis dokumen banyak membantu dalam melaksanakan kajian ini untuk memenuhi objektif kajian. Hasil daripada tembual tersebut analisis data yang dilakukan telah menjawab objektif kajian yang berkaitan dengan mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith, peranan pihak berkepentingan serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan tersebut.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini secara membincangkan berkaitan dengan keseluruhan dapatan kajian mengenai peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith di Sandakan serta menjawab persoalan yang telah ditetapkan. Bab ini merangkumi tiga bahagian iaitu rumusan kajian, hasil dapatan kajian dan cadangan untuk pengkaji seterusnya.

5.2 Rumusan Kajian

Bab satu membincangkan berkaitan dengan pengenalan tajuk kajian yang merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persolaan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian serta skop kajian. Bab ini juga menerangkan tentang pemuliharaan bangunan warisan di Sandakan, Sabah dengan melihat penglibatan pihak berkepentingan terhadap pengurusan pemuliharaan Rumah Agnes Keith. Seperti yang kita sedia maklum, bangunan bersejarah ini harus dilindungi dan diberikan pemantauan penjagaan yang sebaiknya agar ianya tidak musnah begitu sahaja. Justeru itu, kajian ini penting untuk mengetahui peranan, usaha yang dilakukan serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak tersebut dalam memastikan bangunan rumah tersebut terjaga.

Bab dua pula menghuraikan mengenai sorotan kajian lepas yang telah dirujuk oleh pengkaji. Pengkaji juga telah membahagikan kepada beberapa bahagian sorotan kajian yang terdiri dari aspek pemuliharaan bangunan warisan, peranan pihak berkepentingan terhadap bangunan warisan, isu dan cabaran dan sebagainya. Hasil daripada rujukan daripada kajian lepas yang melibatkan rujukan daripada artikel,

jurnal, buku dan penulisan ilimiah yang lain, ia dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan idea-idea dan menambah pengetahuan pengkaji untuk melaksanakan kajian tersebut. Selain itu, pengkaji juga mengaplikasikan teori *Stakeholder* untuk mengetahui pihak-pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Berdasarkan teori *Stakeholder* tersebut yang menjelaskan tentang satu kelompok individu, kumpulan ataupun masyarakat yang menyumbang kepada pengurusan organisasi tertentu dan dapat mempengaruhi dan dipengaruhi dalam organisasi, teori ini telah dirujuk untuk mengetahui pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan warisan Rumah Agnes Keith yang saling berkerjasama antara satu dengan yang lain dan memberikan pengaruh dalam memastikan bangunan tersebut kekal terpelihara.

Dalam bab tiga, membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan sepanjang menyiapkan kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian iaitu kajian kes. Kaedah kualitatif digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian melalui kaedah temu bual, analisis dokumen dan juga pemerhatian di kawasan kajian. Kajian ini juga menggunakan teknik persampelan tidak kebarangkalian iaitu teknik *snowball* daripada satu responden kepada responden yang lain. Seramai enam orang responden yang telah ditemubual yang terdiri daripada pihak pengurusan, pihak berkuasa tempatan, pihak kerajaan, kakitangan Rumah Agnes Keith, mayarakat serta pelancong tempatan. Pengkaji juga menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder.

Bab empat berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi daripada hasil temu bual yang telah dilakukan. Kesemua data temu bual yang telah ditranskripkan akan dianalisis dan dikategorikan mengikut tema yang telah ditetapkan. Hasil daripada

pegasingan tema tersebut, maklumat yang diperolehi akan dipadankan bagi menjawab objektif dan persoalan kajian.

Bab lima dalam kajian ini adalah merumuskan data yang keseluruhan data yang diperolehi. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan cadangan yang relevan untuk diketengahkan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

5.3 Dapatan utama

Bahagian ini membincangkan berkaitan dengan hasil kajian yang diperolehi melalui hasil temu bual yang dilaksanakan terhadap beberapa responden yang berbeza. Hasil dapatan kajian ini adalah diperolehi berdasarkan beberapa soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji kepada responden untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian.

5.3.1 Analisis Objektif Satu : Mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith

Dapatan kajian utama yang diperolehi daripada kajian ini telah menjawab objektif pertama kajian ini iaitu mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Rumah Agnes Keith. Objektif ini terjawab melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dilakukan. Persoalan yang pengkaji utarakan iaitu siapakah pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith telah terjawab hasil daripada dapatan kajian yang dilakukan. Hasil temubual yang dilakukan, pengkaji dapat merungkai persoalan tentang pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan. Pihak berkepentingan yang terlibat dalam penjagaan bangunan iaitu terdiri daripada pihak muzium cawangan pantai timur, pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah, Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), masyarakat, kakitangan pekerja, NGO, pelajar serta

pelancong tempatan itu sendiri. Hal ini selaras dengan kajian lepas yang telah dirujuk oleh pengkaji berkaitan dengan penglibatan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan bersejarah. Penerapan teori *Stakeholder* membantu pengkaji dalam mengkategorikan pihak-pihak berkepentingan tersebut. Justeru itu, pihak-pihak berkepentingan telah dikenalpasti dan semua responden menyatakan pendapat yang sama.

5.3.2 Analisis Objektif Dua: Mengkaji peranan setiap pihak berkepentingan di dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.

Berdasarkan objektif kedua kajian ini iaitu mengkaji peranan setiap pihak berkepentingan di dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith telah terjawab hasil daripada kaedah temubual dan pemerhatian serta analisis dokumen. Persoalan dalam kajian ini telah terjawab berkaitan dengan apakah peranan pihak berkepentingan dalam usaha memulihara bangunan warisan yang merujuk kepada Rumah Agnes Keith ini. Pengkaji juga dapat mengetahui bahawa peranan yang dimainkan oleh setiap pihak berkepentingan telah membawa banyak kepentingan terhadap kelestarian rumah warisan tersebut. Setiap pihak berkepentingan yang terlibat telah menjalankan peranan dalam aspek pemuliharaan, penjagaan, pempromosikan tapak warisan dan sebagainya. Objektif ini juga telah merungkai permasalahan kajian berkaitan dengan kurangnya kerja-kerja pemuliharaan di lakukan ke atas bangunan warisan di Sandakan. Hasil dapatan kajian menyatakan bahawa terdapat banyak usaha yang telah dilaksanakan oleh setiap pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Hal ini berkemungkinan adalah disebabkan oleh kurangnya kajian dilakukan ke atas rumah tersebut menyebabkan perkara ini tidak diketahui secara menyeluruh berkaitan dengan usaha pemuliharaan yang dilakukan ke atas bangunan tersebut. Justeru itu,

pentingnya pelaksanaan kajian daripada kalangan pelajar dan ahli penyelidikan yang lain agar dapat memastikan pengurusan pemuliharaan bangunan bersejarah ini dapat terus dilakukan dari semasa ke semasa.

Dari segi pemerhatian dan analisis dokumen, pihak berkepentingan yang terlibat ini telah melaksanakan pelbagai usaha pemuliharaan antaranya menjalankan kerja konservasi bangunan secara berskala besar dan kecil, mempergiatkan promosi bangunan sebagai tapak warisan bersejarah, melakukan kawalan pencegahan serangan anai-anai setiap tahun dari masa ke masa dan melaksanakan pemantauan kerosakan secara berterusan. Selain itu, kunjungan daripada masyarakat tempatan, rombongan pelajar yang melakukan lawatan dan kedatangan pelancong daripada dalam dan luar negara telah meningkatkan lagi pendapatan ekonomi sekaligus dapat memberikan kesan yang positif terhadap keberlangsungan jangka hayat pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan tersebut.

5.3.3 Analisis Objektif Tiga : Menyiasat isu dan cabaran daripada pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Rumah Agnes Keith.

Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan terhadap kesemua responden yang berkaitan dengan pemuliharaan Rumah Agnes Keith, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan dalam usaha memelihara Rumah Agnes Keith ini. Persoalan yang pengkaji bangkitkan berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi oleh setiap pihak berkepentingan dalam memulihara rumah ini dapat dirungkaikan dalam temubual yang telah dilaksanakan. Pengkaji telah merungkai masalah kelemahan pihak pengurusan dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan dengan menyiasat isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan tersebut. Oleh itu, permasalahan ini

dan persoalan ini telah terjawab. Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan yang melibatkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan tersebut. Antara isu utama dan menjadi kelemahan bagi pihak berkepentingan adalah isu kewangan, kekurangan tenaga kepakaran serta isu kurang kesedaran dan pemahaman tentang warisan daripada masyarakat sehingga wujudkan penyebaran maklumat yang tidak tepat. Menurut pihak pengurusan dan pihak JMNS isu kewangan dan kekurangan tenaga pakar merupakan isu yang besar dalam pengurusan pemuliharaan. Hal ini demikian kerana, kos penyelenggaraan bangunan warisan yang mengalami kerosakan adalah tinggi dan memerlukan sumber kewangan yang mencukup untuk kerja penyelenggaraan tersebut. Perkara ini juga telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya kerja pemuliharaan di lakukan terhadap bangunan warisan di Sandakan.

Seterusnya, dari segi cabaran, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan iaitu cabaran dari segi kekurangan kakitangan pekerja, ancaman pencerobohan, serangan anai-anai, kekurangan kesedaran daripada masyarakat dalam memberikan bantuan dari segi kewangan, bencana alam, tiada pelan tindakan yang khas untuk pemuliharaan bangunan dan lain-lain. Perkara ini sekiranya tidak diatasi dengan cara yang sebaiknya, ia dapat memberikan kesan yang negatif terhadap pengurusan pemuliharaan dan menganggu proses pemuliharaan berlangsung. Meskipun pihak-pihak tersebut mengalami beberapa kekangan dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan tersebut, namun bangunan tersebut masih kekal terjaga dan diuruskan dengan baik sehingga ke hari ini.

5.4 Cadangan

Bangunan Rumah Agnes Keith ini merupakan bangunan yang dibina sejak zaman penjajahan di daerah Sandakan dan merupakan pembinaan kali kedua selepas musnah akibat daripada peperangan yang berlaku. Namun, struktur binaan bangunan ini masih dikekalkan seperti keadaan yang asal sehingga ke hari ini. Bangunan ini perlu dijaga dengan baik bagi memperingati jasa yang telah disumbangkan oleh tokoh Agnes Keith Newton dan suaminya dalam memperkenalkan Sabah sebagai negeri di bawah bayu melalui hasil penulisan buku beliau. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang boleh dilakukan berkaitan dengan bangunan Rumah Agnes Keith.

5.4.1 Merangka pelan tindakan pengurusan pemuliharaan jangka panjang.

Pelan tindakan pengurusan pemuliharaan jangka panjang adalah penting untuk dirangka dengan kadar secepatnya. Pihak bertanggungjawab seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Muzium Negeri Sabah yang terlibat haruslah merangka pelan tindakan tersebut agar dapat memastikan keadaan bangunan warisan kekal terjaga dari aspek luaran dan dalaman mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana, sekiranya pelan tindakan pengurusan jangka panjang diwujudkan terhadap bangunan Rumah Agnes Keith ini, ia dapat memberikan kemudahan terhadap proses penyelenggaraan dan pengurusan pemuliharaan bangunan tersebut. Pelan tindakan pengurusan pemuliharaan yang dirangka adalah merupakan sebahagian daripada pendokumentasian yang boleh dijadikan rujukan dalam pelaksanaan projek-projek pemuliharaan.

5.4.2 Mewujudkan satu unit penyelidikan di Majlis Perbandaran Sandakan.

Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sandakan perlu mewujudkan satu unit penyelidikan untuk melaksanakan satu tindakan khas terhadap penyelenggaraan bangunan-bangunan warisan di Sandakan secara amnya. Sekiranya unit penyelidikan khas ini diwujudkan, ia dapat memberikan perhatian dan tumpuan sepenuhnya terhadap pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan ataupun bangunan bersejarah di Sandakan. Dengan mewujudkan unit penyelidikan ini, kakitangan yang terlatih dan tenaga pekerja yang berkemahiran dalam bidang konservasi bangunan dapat dikumpulkan dalam satu unit agar pelaksanaan projek pemuliharaan dapat dilakukan dengan lebih sistematik lagi. Hal ini haruslah merangkumi dari aspek pengenalpastian kerosakan, proses penyelenggaraan, penambahbaikan terhadap bangunan dan sebagainya. Dengan adanya penubuhan unit penyelidikan ini, isu pengabaian pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan tidak berlaku dan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan segera. Hal ini kerana, unit ini dapat menumpukan sepenuhnya terhadap bangunan warisan ataupun tapak warisan yang masih terbiar dan perlu menjalani kerja-kerja konservasi.

5.4.3 Mempergiatkan kerjasama dengan pihak NGO.

Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Sandakan tidak hanya tertumpu kepada peranan sepenuhnya daripada pihak yang tertentu, namun penglibatan pihak *NGO* juga sangat digalakkan. Hal ini demikian kerana, penglibatan pihak *NGO* terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Sandakan sangat perlu agar pihak ini dapat membantu dalam memberikan pendedahan, pengetahuan, kesedaran dan sebagainya melalui program-program yang boleh dilaksanakan terhadap masyarakat luar secara amnya. Berdasarkan kepada kajian

yang telah dilakukan oleh pengkaji, didapati bahawa masih kurang penglibatan pihak *NGO* di Sandakan yang turut campur tangan terhadap pemuliharaan bangunan bersejarah di Sandakan. Pihak ini hanya menumpukan usaha mempromosikan bangunan tersebut sebagai salah satu tapak pelancongan warisan di Sandakan sahaja, namun tidak terlibat dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan. Oleh itu, disarankan agar lebih banyak penglibatan pihak *NGO* dalam membantu melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan dan memberikan pendedahan kepada masyarakat luar dan dalam negara mengenai kepentingan pemuliharaan bangunan warisan kerana pihak ini adalah pemangkin dalam pelestarian bangunan warisan di Sandakan.

5.5 Penutup

Penglibatan pihak berkepentingan dalam pengurusan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan sememangnya sangat digalakkan. Hal ini demi memastikan bangunan warisan kekal terus terpelihara kerana banyak kepentingan yang kita hendak jaga termasuklah dari aspek nilai warisan, nilai sejarah dan sebagainya. Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di daerah Sandakan khasnya haruslah diberi perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab agar masalah seperti pengabaian pemuliharaan banguan warisan tidak berlaku. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati penglibatan dan peranan pihak berkepentingan sangat penting dalam memartabatkan dan menghidupkan kembali bangunan-bangunan warisan yang hampir lenyap dilupakan begitu sahaja. Selain itu, kerjasama dan peranan daripada semua pihak berkepentingan perlu terus diperkuatkan lagi demi memastikan penjagaan bangunan warisan dapat diuruskan dengan lebih sistematik lagi. Pengkaji telah mencadangkan beberapa cadangan yang boleh

dilakukan oleh pengkaji seterusnya terhadap kajian yang berkaitan dengan Rumah Agnes Keith ini. Kewujudan pihak berkepentingan dapat memberikan pengaruh yang besar dan mereka merupakan pihak yang penting dalam menjadi penggerak dalam kerja-kerja pemuliharaan sekaligus memastikan strategik pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan kekal utuh pada masa hadapan. Hubungan komunikasi yang komprehensif dan berkesan dalam kalangan pihak berkepentingan penting dalam memastikan semua isu dan masalah sepanjang projek pemuliharaan dapat diselesaikan dengan segera.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

1.0 JURNAL ILMIAH

- Amat, A.S (2018). *Dealing With Stakeholders In Building Conservation Project.* Serambi Warisan.
- Ahmad, A. (1994). *Conservation of British colonial buildings built between 1800 and 1930 in Malaysia (Doctoral dissertation, University of Sheffield).*
- Abdul Rahman, M. A. (2013). Model kejayaan utama amalan terbaik pengurusan penyenggaraan bangunan warisan di Malaysia (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).
- Alias, A., & Ali, A. S. (2011). Pengurusan Penyelenggaraan Dan Pengubahsuaian Bangunan. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*
- Archie, C., Buchholtz, A. K., Huang, Y., & Zhu, Z. (1996). *Business & Society: Ethics and Stakeholder Management.* Cincinnati: South Western College Publishing.
- Afandi, N. N. (2010). Pemuliharaan Dan Kos Baik Pulih Bangunan Lama Di Pulau Pinang (*Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia*).
- Baco, Z. (2018). Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881â€“2012). *Abaran Pengurusan Warisan Bina Bandar Di Bandaraya Kota Kinabalu*, 2(1). <https://doi.org/10.51200/jba.v2i1.1618>
- Baharom, N. A. (2022). *Peranan Pihak Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Bangunan Warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Berawi, F. M. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis (UUM Press).* UUM Press.
- Din, Norsyazwani (2022) Kajian Mengenai Kerja-Kerja Konservasi Yang Dijalankan Dalam Mengelakkan Nilai Warisan Yang Terdapat Pada Bangunan Muzium Islam Di Kota Bharu, Kelantan. *Final Year Project thesis*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan: Edisi keempat (4th ed.).] Dewan Bahasa dan Pustaka
- Freeman, R. E., & McVea, J. (2005). *A stakeholder approach to strategic management. The Blackwell handbook of strategic management*, 183-201.
- Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan Dan bangunan warisan (PeWARIS). 2023). Jabatan Perancangan Bandar & Desa. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

- Hanapi, N. S. A. N., & Tugang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228-235.
- Hashim, N. B. I., & Mydin, M. A. O. (2012). *Maintenance management system of administration heritage buildings in Malaysia*. *Annals of the Faculty of Engineering Hunedoara*, 10(3), 475-483.
- Harun, S. N. (2005). Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina di Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas. *Buletin Perancang, Jabatan Perancang Dan Daerah*, 100.
- Hajialikhani, M. (2008). *A systematic stakeholders management approach for protecting the spirit of cultural heritage sites*.
- Istana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 647-662.
- Jamal, D. H. D., & Ramli, Z. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula (*Conservation of several historic buildings in Kelantan: A survey on involvements of the local community in adaptive reuse*). *Geografia*, 17(2).
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Jabatan Warisan Negara. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Jabatam Warisan Negara.
- Kamus Bahasa Melayu Edisi Keempat (2017)
- Kamal, K. S. (2010). Pengenalan Kepada Pemuliharaan Bangunan Bersejarah. <http://buildingconservation.blogspot.com/2010/04/pengenalan-kepada-pemuliharan-bangunan.html>
- Kamal, K. S., & Ahmad, A. G. (2007). Pendekatan dalam kerja pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia: Satu tinjauan umum. In *Post Graduate Research Colloquium* (pp. 30-31)
- Kamal, K. S. (2007). Pengenalan Kepada Pemuliharaan Bangunan Bersejarah. <http://buildingconservation.blogspot.com/2010/04/pengenalan-kepada-pemuliharan-bangunan.html>
- Kamal, K. S. (2007). Pendekatan dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Umum. <http://buildingconservation.blogspot.com/2007/03/pendekatan-dalam-kerja-pemuliharaan.html>
- Mohd Azam, D. A. (2022). Kajian Terhadap Pemuliharaan Istana Sepechendera, Alor Setar, Kedah. Universiti Malaysia Kelantan. Diakses pada April 4, 2023.
- Mootar, M. Q. (1970, January 1). Pemuliharaan Bangunan Warisan dari Aspek

- Sejarah di George Town, Pulau Pinang. Holdings. Diakses pada Februari 3, 2023, daripada <http://myto.upm.edu.my/find/Record/my-usm-ep.48361>
- Motac, U. (n.d.). *Tinjauan ke Tapak Projek Penaiktarafan Bangunan Kerajaan PWD 2003 di kawasan rumah Agnes Keith Sandakan* - Portal Rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. <https://motac.gov.my/galeri/facebook/tinjauan-ke-tapak-projek-penaiktarafan-bangunan-kerajaan-pwd-2003-di-kawasan-rumah-agnes-keith-sandakan>
- Masrom, M. A. N., & Kadir, Z. A. (2020). Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Istana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 647-662
- Nazeerdin, M. M. (2022). Kajian Terhadap Pemuliharaan Masjid Lama Pelangai, Kuala Pilah, Negeri Sembilan (*Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan*).
- Nurdiani, N. (2014). Teknik sampling snowball dalam penelitian lapangan. *ComTech: Computer, Mathematics and Engineering Applications*, 5(2), 1110-1118.
- Negara, J. W. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. Kuala Lumpur.
- Rijem, E. A. (2019). Rumah Kedai Bersejarah di Pantai Barat Sabah: Isu Pemeliharaan, Perlindungan dan Alternatif Cadangan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(6), 152-160.
- Rose, R. A. C., & Khalid, N. A. (2017). Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan: *Heritage Building Conservation Management at UNESCO Heritage Site in George Town, Penang: From Traders and Local Tourist Perspectives*. *Geografi*, 5(3), 1-7.
- Rashid, R. A. (2021). Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan Di Malaysia. Diakses pada Jun 22, 2023, daripada http://eprints.usm.my/42936/1/Pages_from_AMALAN_BAIK_SENGGARAAN_BANGUNAN_WARISAN_DI_MALAYSIA.pdf
- Sarudin, N. A. F. (2022). Kerjasama Pihak Bertanggungjawab Dalam Mempromosikan Kampung Budaya Terengganu Sebagai Pusat Pelancongan Warisan. Diakses pada Mei 4, 2023. Daripada <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3694/1/NUR%20%E2%80%98ABIDAH%20FATIMAH%20BINTI%20SARUDIN%20.pdf>
- Yusoff, Y. M. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. <https://www.semanticscholar.org/paper/Perlindungan-harta-warisan%3A-Keberkesanan-usaha-dan-Yusoff-Dollah/28af285a34e9d6a8ce1e37a9263694320b0f4681>

Zuraidi, S. N. F. (2014). Model rangka kerja pemuliharaan struktur fabrik bagi bangunan bersejarah (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).

Zuraidi, S. N. F., Rahman, M. A. A., & Akasah, Z. A. (2019). Kriteria Penting Untuk Mengukur Keadaan Bangunan Warisan. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 2(1), 92-102.

Zuraidi, S. N. F., & Zainal Abidin Akasah, M. A. A. R. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011: Pembangunan ke arah masa depan yang mapan, 1-12. [www.acedmia.edu.https://www.acedemia.edu/6819212/jejak_warisan_sandakan](https://www.acedemia.edu/6819212/jejak_warisan_sandakan)

Som, S. B. M., Nasir, M. R. B. M., & Mohamad, W. S. N. B. W. (2021, July). Expansion of heritage mosques in Malaysia: Issues and challenges. In *AIP Conference Proceedings* (Vol. 2347, No. 1). AIP Publishing. [file:///C:/Users/Huawei/Downloads/adminbaru,+Jodi+Hariawan%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/Huawei/Downloads/adminbaru,+Jodi+Hariawan%20(1).pdf)

Siaran Media | Laman Web Rasmi Ketua Menteri Sabah

2.0 AKHBAR INTERNET

Noh, N. C. (2021, Januari 31). Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Perlu Lebih Intensif. *Harian Metro*.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/669752/pemuliharaan-bangunan-bersejarah-perlu-lebih-intensif>

Rumah Agnes Keith Bakal Dibangunkan Sebagai Destinasi Pelancongan. (n.d.-b). <https://www.facebook.com/Sabahmedianews/videos/rumah-agnes-keith-bakal-dibangunkan-sebagai-destinasi-pelancongan-berteraskan-da/347824063371891/>

Sukri, S. (2022, September 7). Pelihara aset warisan demi kelestarian identiti Malaysia. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/09/997411/pelihara-aset-warisan-demi-kelestarian-identiti-malaysia>

Sidom, P.. R (2016, November 6). Rumah Agnes Keith sebahagian warisan Sandakan. *Berita Harian Online*. Diakses pada 9 Febuari 2023, daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/11/209658/rumah-agnes-keith-sebahagian-warisan-sandakan>

Thien, D. (2022, August 19). Agnes Keith House attacked by termites? 2023. <https://www.dailyexpress.com.my/news/197878/agnes-keith-house-attacked-by-termites-/>

3.0 AKTA

Akta warisan kebangsaan (2005)

4.0 RUJUKAN DOKUMEN

Agnes Keith Land Below The Wind. 03 Oktober 2023. Rumah Agnes Keith.

Dokumen Projek Konservasi Rumah Agnes Keith. 26 September 2023. Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Deraf Pelan Tindakan Pembangunan Pelancongan Daerah Sandakan 2020-2030. 03 Oktober 2023. Jabatan Pelancongan Majlis Perbandaran Sandakan.

5.0 KAJIAN PUSTAKA

Omardin, M.A (2011). Strategi Dan Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan. Universiti Malaysia Pahang.

Yusoff, M. Y. M. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.

6.0 INFORMAN

Cik Ivy Clara Attian. Penolong Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Sandakan. 03 Oktober 2023. Pejabat Jabatan Pelancongan Majlis Perbandaran Sandakan.

Cik Nisa.23 tahun. Masyarakat. 04 September 2023. Halaman Rumah Agnes Keith. Sandakan

Encik Dius Bin Kubud, 54 tahun. Kurator kanan Muzium Sabah. 26 September 2023. Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Encik Rafie bin Anam. 34 tahun. Kakitangan Pekerja Rumah Agnes Keith. 15 Ogos 2023. Rumah Agnes Keith.

Puan Safinah binti Yusof. 29 tahun. Penolong Kurator G29. 2 Ogos 2023. Pejabat Rumah Agnes Keith Sandakan.

Puan Siti Aisyah. Pelancong tempatan. 11 September 2023. Rumah Agnes Keith.

Lampiran

Contoh soalan temu bual.

- 1) Bertanyakan latar belakang informan.
- 2) Boleh tuan/puan kongsikan serba sedikit berkaitan dengan latar belakang Jabatan Muzium Sabah?
- 3) Siapakah yang menjaga atau menguruskan pengurusan bangunan Rumah Agnes Keith ini ?
- 4) Apakah status pewartaan Rumah Agnes Keith ini? Adakah ianya sudah diwartakan sebagai bangunan warisan atau bagaimana?
- 5) Apakah peranan atau fungsi Jabatan Muzium Sabah terhadap pemuliharaan bangunan warisan ini?
- 6) Pada pendapat tuan/puan, selain daripada Jabatan Muzium Sabah, siapakah pihak yang berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan pemuliharaan dan penjagaan Rumah Agnes Keith ini sehingga ke hari ini?
- 7) Sejauhmanakah pihak Jabatan Muzium Sabah terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan Rumah Agnes Keith ini?
- 8) Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Muzium Sabah dalam memulihara dan memelihara bangunan warisan Rumah Agnes Keith di Sandakan?
- 9) Pada pendapat tuan/puan, adakah pihak NGO juga perlu terlibat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan ini? Sekiranya ada, siapakah pihak tersebut.
- 10) Apakah isu-isu yang berbangkit dan cabaran yang dihadapi oleh pihak tuan dalam menguruskan bangunan bersejarah ini.
- 11) Apakah cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam memastikan pengurusan pemuliharaan bangunan ini sentiasa terjamin?



Gambar bersama dengan Cik Ivy Clara Attian selaku Penolong Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Sandakan.



Gambar bersama dengan Cik Nisa.



Gambar bersama Puan Siti Aisyah yang merupakan pelancong tempatan.



Gambar Encik Dius Bik Kubud selaku Kurator Kanan di Jabatan Muzium Negeri Sabah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN